

# BAB TIGA

## MEKANISMA PENTADBIRAN KEWANGAN KOLONIAL DALAM EKONOMI JOHOR

### 1914-1928

### 3.0 Pendahuluan

Pada 11 Mei 1914 satu perjanjian baru telah ditandatangani di antara Sultan Ibrahim bagi pihak kerajaan Johor dengan Gabenor Sir Arthur Henderson Young wakil bagi pihak kerajaan British. Lanjutan daripada perjanjian ini seorang *General Adviser* telah dilantik. Bermula daripada tarikh tersebut, segala nasihat *General Adviser* mestilah dipatuhi. *General Adviser* tidak boleh lagi disifatkan sebagai pegawai yang dipinjamkan oleh kerajaan British, tetapi hendaklah dipandang sebagai wakil kerajaan Kolonial seperti wakil-wakil British yang lain di Negeri-Negeri Tanah Melayu.<sup>1</sup>

Dalam transformasi tersebut, Pentadbiran Kolonial terus menerus mengkritik struktur pentadbiran Sultan dalam pelbagai aspek, khususnya dari aspek undang-undang dan pengurusan kewangan.<sup>2</sup> Pada masa yang sama, pihak British telah mengembangkan pengaruhnya dalam pembangunan modal dan penguasaan pentadbiran kewangan. Tempoh

masa ini (1914-1928) jika dibandingkan dengan tempoh-tempoh masa yang lain merupakan tempoh perkembangan ekonomi yang paling pesat sekali. Belanjawan negeri dalam tempoh ini, sentiasa mengambil kira perubahan-perubahan yang berlaku dalam pasaran dunia.

Di sektor pasaran, harga komoditi secara umumnya sangat menggalakkan kecuali pada masa kemelesetan dari 1919 hingga 1922. Komoditi-komoditi eksport seperti getah, kelapa, pinang dan bijih besi menunjukkan pertambahan yang pesat. Selepas kemelesetan ekonomi, beberapa perubahan besar telah berlaku. Pertama, pada tahun 1922, *Stevenson Rubber Restriction Scheme* telah diwujudkan di peringkat antarabangsa bertujuan mengawal harga dengan cara menentukan jumlah kuantiti eksport. Kedua, nenas dan kelapa sawit menjadi komoditi eksport yang penting. Sementara itu, di sektor galian pula didapati lombong bijih besi yang dikuasai oleh pemodal-pemodal Jepun telah memainkan peranan penting selepas tahun 1921. Jumlah import juga memperlihatkan pertambahan yang berterusan. Selain daripada itu didapati barang-barang perkilangan juga telah menunjukkan pertambahan yang amat pesat sekali.

Dalam keadaan pasaran yang menggalakkan ini, pelaburan

modal di peringkat pengeluaran komoditi bertambah dengan banyaknya ekoran daripada kemasukan pemodal-pemodal Cina, Eropah dan Jepun. Sehubungan dengan ini, didapati kemasukan imigran Asia ke Johor memperlihatkan pertambahan paling besar jika dibandingkan dengan Negeri-Negeri Tanah Melayu yang lain. Berdasarkan kepada perkembangan dalam saiz perdagangan, penglibatan pemodal dan pertambahan penduduk, Pentadbiran Kolonial terus meluaskan pengaruh mereka dan melaksanakan banyak polisi untuk menambahkan pengutipan hasil negeri daripada pelbagai sumber seperti cukai kastam, cukai lesen dan Eksais dan cukai tanah. Dalam kategori belanjawan, Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan belanjawan ke pelbagai sektor. Namun begitu tumpuan diberikan kepada sektor yang boleh menarik kemasukan pemodal seperti pembinaan infrastruktur, sistem pengangkutan dan telekomunikasi.

Dalam tempoh masa ini, perkara yang paling ketara ialah pengumpulan lebihan kewangan negeri yang amat besar dan diikuti dengan pelaburan kewangan yang strategik. Selepas selesai pembayaran hutang kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk *Johor State Railway Loan* pada 1918, Pentadbiran Kolonial secara umumnya setiap

tahun telah berjaya menghasilkan lebihan kewangan yang amat membanggakan. (kecuali 1920 - 1922). Namun begitu, lebihan kewangan yang lumayan ini tidak lagi dipergunakan untuk membayar hutang seperti tempoh sebelumnya, dan tidak juga digunakan untuk pembangunan kerja awam, utiliti atau perkhidmatan sosial. Lebihan kewangan ini yang ditadbir sepenuhnya oleh pegawai-pegawai British telah salurkan sebagai pelaburan portfolio ke Britain atau koloni-koloni British yang lain melalui *Crown Agent*. Portfolio pelaburan kewangan yang menjadi keutamaan bagi pentadbiran British ialah *Funds and Securities*, dan *Bonds and Loans*. Pentadbiran kewangan bentuk ini tidak pernah wujud sebelum ini.

### **3.1        Pasaran**

Dalam tempoh masa ini jumlah nilai eksport telah meningkat melebihi empat kali ganda sementara nilai import meningkat sebanyak 4.3 kali ganda. Ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan pertambahan dalam bilangan barang yang diperdagangkan, lanjutan daripada keadaan pasaran yang memuaskan. Imbangan dagangan Johor merakamkan jumlah lebihan yang amat besar sekali. Semua tahun kewangan pada tempoh masa ini menunjukan lebihan dagangan yang

positif. Nilai lebihan dagangan yang paling minima adalah sebanyak \$4,483,249 pada tahun 1921<sup>3</sup> dan lebihan maksima yang pernah dicatatkan adalah sebanyak \$103,478,693 pada tahun 1926.<sup>4</sup>

### **3.1.1 Eksport**

Lebih kurang 90% daripada jumlah keseluruhan nilai eksport disumbangkan oleh komoditi-komoditi pertanian yang sebahagian besarnya terdiri daripada getah, kelapa, nenas dan pinang seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 1.2. dan Gambarajah 1.2.. Walaupun komoditi pertanian menyumbangkan peratusan yang besar, namun begitu jika diteliti keadaan komoditi itu satu persatu akan didapati berlakunya turun naik jumlah kuantiti dan nilai bagi keluaran bahan pertanian tertentu. Ini dapat dilihat dengan jelas kepada komoditi getah, umpamanya pada 1921 kuantiti eksport hanya berjumlah 317,892 pikul yang bernilai \$16,097,138<sup>5</sup> sementara pada 1926 kuantiti eksport telah melambung tinggi kepada 1,010,685 pikul yang bernilai \$119,580,069.<sup>6</sup> Bagaimana pun, keadaan sebaliknya berlaku kepada komoditi gambir dan lada hitam. Pada tahun 1914, jumlah kuantiti eksport gambir adalah sebanyak 185,950 pikul yang bernilai \$1,250,000<sup>7</sup> tetapi pada tahun 1928 jumlah kuantiti eksport bahan tersebut telah menurun dengan banyaknya

kepada 19,387 pikul yang hanya bernilai \$197,382.<sup>8</sup> Bagi lada hitam pula, jumlah kuantiti eksport pada tahun 1914 adalah sebanyak 36,709 pikul bernilai \$580,000<sup>9</sup> dan telah merosot pada tahun 1928 kepada hanya 82 pikul sahaja dengan nilai sebanyak \$8,030.<sup>10</sup> (Sila lihat Lampiran Jadual 1.3.).

Satu perkara yang ketara berlaku dalam tempoh masa ini adalah berlakunya intervensi dalam pasaran getah oleh pihak kerajaan British. Selepas Perang Dunia Pertama, harga getah telah menurun dengan cepat sekali. Dalam keadaan kejatuhan harga yang teruk ini, pada tahun 1922 *Stevenson Restriction Rubber Scheme* telah diperkenalkan dengan tujuan untuk menstabilkan harga getah di pasaran dunia dengan cara mengawal kuantiti eksport.<sup>11</sup> Daripada Jadual 3.1. di bawah, dapat dilihat bahawa jumlah eksport yang dibenarkan dari Johor adalah berbeza-beza dari masa ke semasa. Skim di atas bagaimana pun tidak mencapai kejayaan sepenuhnya kerana *Netherland Indies* (Indonesia) yang merupakan salah sebuah negara pengekspor getah utama di dunia telah tidak menyertai skim di atas. Sehubungan dengan ini, *Netherland Indies* menambahkan jumlah eksportnya ke pasaran dunia kerana tidak ada sekatan dalam penentuan harga.<sup>12</sup>

**Jadual 3.1. Kadar dan Kuantiti Eksport yang Dibenarkan dari Negeri Johor di bawah *Stevenson Rubber Restriction Scheme*, 1922 -1928,(Pikul)**

Tahun	1922	1923	1924	1925		1926		1927		1928	
<b>Januari</b>	100	t.d.	t.d.	1,599	50	3,845	85	4,807	80	2,684	60
<b>Februari</b>	100	t.d.	t.d.	3,713	55	4,275	100	4,364	70	3,881	60
<b>Mac</b>	100	t.d.	t.d.	3,041	55	5,018	100	5,133	70	3,725	60
<b>April</b>	100	t.d.	t.d.	1,780	55	3,393	100	3,897	60	2,467	60
<b>Mei</b>	100	t.d.	t.d.	4,469	65	5,461	100	4,361	60	4,877	60
<b>Jun</b>	100	t.d.	t.d.	3,237	65	4,618	100	3,437	60	3,539	60
<b>Julai</b>	100	t.d.	t.d.	271	65	5,037	100	3,153	60	3,401	60
<b>Ogos</b>	100	t.d.	t.d.	4,231	75	5,713	100	5,059	60	5,357	60
<b>September</b>	100	t.d.	t.d.	3,352	75	6,261	100	3,527	60	3,841	60
<b>Okttober</b>	100	t.d.	t.d.	3,537	75	5,822	100	3,436	60	1,662	60
<b>November</b>	t.d.	t.d.	t.d.	5,571	85	4,496	80	4,077	60	15,780	0
<b>Diseember</b>	t.d.	t.d.	t.d.	1,942	85	6,220	80	1,243	60	9,790	0

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: **Report, State of Johore Statistics Relating to Rubber and Agricultural Development in Johore, K.C. David, Superintendent, Johore Bahru, Government Printing Office, State of Johore, 1929.**

Dari segi komoditi eksport mineral pula, didapati jumlah kuantiti dan nilai eksport mineral dari Johor amat kecil jika dibandingkan dengan jumlah dan nilai eksport mineral dari Perak dan Selangor.<sup>13</sup> Bagaimana pun kewujudan perlombongan bijih besi oleh pemodal-pemodal Jepun sejak tahun 1921 telah memperlihatkan perkembangan yang berterusan.<sup>14</sup> Pada tahun 1928, jumlah nilai eksport bijih besi adalah sebanyak 584,588 tan yang bernilai \$2,658,193.<sup>15</sup> Sementara itu kuantiti eksport bijih timah pula berjumlah 18,424 tan yang bernilai \$2,038,064.<sup>16</sup> Daripada perangkaan di atas jelas didapati bahawa jumlah kuantiti dan nilai eksport bijih besi melebihi eksport bijih timah Johor. Perlu dijelaskan di sini bahawa eksport bijih besi Johor dari segi kuantiti dan nilai adalah yang terbesar di kalangan Negeri-Negeri Tanah Melayu.<sup>17</sup> Semua keluaran bijih besi dari Johor dieksport ke Negara Jepun.<sup>18</sup>

Dalam sektor perkilangan, nenas dalam tin telah mula dieksport pada tahun 1923 dengan jumlah nilai sebanyak \$2,030,030.<sup>19</sup> Pada tahun 1928 jumlah nilai ini telah meningkat kepada \$4,780,358.<sup>20</sup> Komoditi ini merupakan bahan eksport yang ketiga terbesar dalam senarai eksport Johor selepas getah \$44,234,992 dan kelapa \$6,225,927.

Sektor lain seperti ternakan dan hasil hutan secara bandingannya hanya memberi sumbangan yang kecil sahaja.

### **3.1.2 Import**

Pertambahan dalam bilangan penduduk dan perkembangan dalam pembangunan infrastruktur telah mempengaruhi pertambahan jumlah import. Secara purata dalam tempoh masa ini 58.7% daripada jumlah nilai import datangnya dari bahan makanan, minuman, haiwan, rokok dan candu. Bahan-bahan yang dijelaskan di atas dalam tempoh masa ini telah bertambah sebanyak 288% dalam tempoh 1914 - 1928. Ini memperlihatkan satu perkembangan yang agak pesat terhadap barang-barang perkilangan. Pada tahun 1925, jumlah nilai import bagi barang-kilang hampir sama banyak dengan komoditi yang dikategorikan dalam Kategori A seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 1.4., Gambarajah 1.3.. Dalam tempoh masa ini barang-kilang memperlihatkan pertambahan sebanyak 14.5 kali ganda. Pertambahan yang pesat ini adalah berhubung rapat dengan pembinaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik dan sistem perhubungan. Selain daripada infrastruktur, golongan pemodal yang terlibat dalam usaha perkilangan juga turut mengimport barang-barang

untuk kegunaan pembinaan infrastruktur dan kegunaan kilang dalam kuantiti yang besar.

Walaupun jumlah kuantiti dan nilai perdagangan Johor telah bertambah dengan pesatnya, namun struktur perdagangan negeri ini masih lagi bergantung kepada import bahan-bahan makanan harian seperti beras. Beras ini diimport dari negara Siam dan Burma.<sup>21</sup> Dari segi tradisi, ekonomi Johor sentiasa bergantung bekalan beras dari negeri lain. Kekurangan bekalan beras telah menimbulkan banyak masalah di Johor. Kegagalan dalam penanaman beras di Siam pada tahun 1919 umpamanya telah mengwujudkan keadaan kebimbangan di kalangan penduduk tempatan terutamanya di kawasan berpenduduk padat seperti Muar dan Batu Pahat.<sup>22</sup> Oleh yang demikian, Pentadbiran Kolonial terpaksa memperuntukkan sejumlah wang bagi mengatasi masalah kenaikan harga beras dan masalah yang berhubung dengan kekurangan bekalan beras.<sup>23</sup> Walaupun wujud kesedaran akan masalah kekurangan bekalan beras, namun pihak golongan pemodal tidak beralih kepada usaha penanaman padi. Mereka tetap menumpukan perhatian kepada tanaman-tanaman yang memberikan keuntungan yang maksima dan amat diperlukan oleh pasaran dunia.

## **3.2 Pemodal**

Peningkatan dalam jumlah perdagangan dan perkembangan sistem pengangkutan dan komunikasi memberi kesan yang besar terhadap golongan pemodal yang terlibat dalam aktiviti ekonomi di Johor. Oleh kerana keuntungan yang menjadi motif utama golongan pemodal, tindakan mereka selalunya dipengaruhi oleh kedudukan sesuatu komoditi di pasaran antarabangsa. Dalam tempoh masa ini, komoditi yang mendapat pasaran yang baik seperti getah telah menjadi tumpuan utama golongan pemodal. Sementara itu, komoditi tradisional telah mula diabaikan kerana kedudukannya yang tidak menggalakkan di pasaran dunia.

### **3.2.1 Getah**

Dalam tempoh masa ini, aktiviti tanaman getah memperlihatkan perkembangan yang pesat dalam struktur ekonomi Johor. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 3.2. di bawah, jumlah keluasan tanah yang ditanam dengan getah telah meningkat dari 431,074 ekar pada 1914<sup>24</sup> kepada 579,317 ekar pada 1928.<sup>25</sup>

Pada 1914 jumlah kawasan tanaman getah yang melebihi 100 ekar adalah sebanyak 371,428 ekar.<sup>26</sup> Daripada jumlah ini, 62.9%

**Jadual 3.2. Keluasan Tanah Getah Mengikut Saiz Milik Tanah, 1914-1928, (Ekar)**

Tahun	Ladang (Lebih daripada 100 ekar)	Medium (25-100 ekar)	Pekebun Kecil (- 25 ekar)	Jumlah
<b>1914-1918</b>	245,899	27,949	157,226	431,074
<b>1919</b>	24,177	3,696	10,600	38,473
<b>1920</b>	16,955	2,541	9,010	28,506
<b>1921</b>	6,955	900	3,531	11,400
<b>1922</b>	3,924	460	2,120	6,504
<b>1923</b>	5,806	847	3,127	9,780
<b>1924</b>	4,100	450	2,766	7,316
<b>1925</b>	749	339	630	1,718
<b>1926</b>	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
<b>1927</b>	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
<b>1928</b>	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
<b>Jumlah</b>	478,770	37,182	189,010	579,317

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1928.

dimiliki oleh pemodal-pemodal Eropah dan bakinya 37.1% dimiliki oleh pemodal-pemodal Asia. Dari segi pemilikan kawasan tanaman getah yang luas hingga ke akhir tempoh ini masih bagi dikuasai oleh golongan pemodal Eropah.

Pada tahun 1928, 62.8% daripada jumlah kawasan yang melebihi 100 ekar masih lagi dimiliki oleh pemodal-pemodal Eropah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.3. dan Jadual 3.4. Pemodal Asia walaupun tidak memiliki tanah seluas atau sebanyak pemodal Eropah, namun dari segi hak milik golongan ini memperlihatkan peningkatan yang pesat. Umpamanya pada tahun 1914, jumlah luas kawasan tanaman getah yang dimiliki oleh pemodal Cina adalah sebanyak 47,489 ekar<sup>27</sup> dan kemudiannya telah bertambah menjadi 100,394 ekar pada 1928.<sup>28</sup> Bagaimana pun, keadaan ini tidak sama bagi pemodal-pemodal Jepun, di mana pada tahun 1914 mereka memiliki tanah seluas 91,980 ekar<sup>29</sup> dan jumlahnya telah menurun kepada 58,247 ekar pada tahun 1928.<sup>30</sup> Kejatuhan keluasan tanah getah milik pemodal Jepun adalah disebabkan semasa kejatuhan harga getah sekitar 1919 ada di antara pemodal-pemodal Jepun yang menjualkan tanah mereka kepada pemodal-pemodal lain seperti pemodal British.<sup>31</sup> Selain daripada itu, Pentadbiran

**Jadual 3.3. Jumlah Keluasan Tanah Getah Mengikut Bangsa Pada 1914 dan 1928, (Ekar)**

Tahun	Eropah	Cina	Jepun	India	Melayu	Jumlah
1914	233,739	47,489	91,980	t.d.	t.d.	371,428
1928	300,481	100,394	58,247	12,319	7,329	478,770
1914	66,742	52,905	-33,733	12,319	7,329	107,342
1928						

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: State of Johore, Statistics Relating to Rubber, Johore Bahru, Johore Government printing Centre 1, Julai 1929, hal:2-3.

**Jadual 3.4. Jumlah Keluasan Tanah Getah Mengikut Bangsa dan Daerah pada 1928, (Ekar)**

Daerah	Eropah		Cina		Jepun		India		Melayu		Jumlah	
Johor Bahru	44	117,510	109	51,630	3	5,888	5	856	7	2,219	168	178,103
Muar	22	68,075	60	15,433			20	9,946	12	3,956	114	97,410
Kota Tinggi	14	35,497	36	19,648	17	31,682	1	508	1	238	69	87,573
Batu Pahat	4	7,604	21	4,855	7	20,677	3	386	1	546	36	34,069
Segamat	14	54,200	26	6,801			3	490			43	61,491
Kukup	4	9,301	8	1,714					2	370	14	11,385
Mersing	4	8,294	2	313			1	133			7	8,740
Jumlah	106	300,481	262	100,394	27	58,247	31	12,119	21	7,329	451	478,770

Sumber: State of Johore, Statistics Relating to Rubber, Johore Bahru, Johore Government Printing Centre, 1 Julai 1929, hal:4.

Kolonial juga telah menghalang perkembangan kegiatan modal Jepun dalam sektor penanaman getah semasa Perang Dunia Pertama.<sup>32</sup> Pada Julai 1917, pihak British telah mengamalkan *Rubber Land (Restriction) Enactment* di seluruh Negeri-Negeri Tanah Melayu. Undang-undang tersebut tidak membenarkan pemilikan tanah bagi tanaman getah lebih daripada 50 ekar, kecuali kepada pemodal British, Sultan, syarikat-syarikat yang mendaftar di Britain dan penduduk yang sudah menduduki negara ini sekurang-kurangnya tujuh tahun.<sup>33</sup>

Perlu dijelaskan di sini, akibat kejatuhan harga getah yang begitu teruk dalam jangka masa 1919-1921, terdapat beberapa orang pemodal Jepun yang menghentikan kegiatan penanaman getah mereka dan beralih kepada perlombongan bijih besi.<sup>34</sup>

Dalam hal tanaman getah, tindakan Pentadbiran Kolonial adalah berbeza terhadap pemodal-pemodal Cina. Pentadbiran Kolonial memainkan peranan penting dalam membantu pemodal-pemodal Cina mengusahakan tanaman getah.

Dalam tempoh masa ini, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini tanaman gambir dan lada hitam di bawah Sistem Kangcu telah mengalami kemerosotan. Penanam gambir dan lada hitam terpaksa

memberhentikan usaha mereka. Bagi mengatasi masalah ini, Pentadbiran Kolonial melalui *Kangchu Right Abolishment Enactment* pada 1917 telah membayar ganti rugi kepada pemodal-pemodal Cina.<sup>35</sup> Dalam hal ini sebilangan pemodal-pemodal Cina dengan menggunakan wang ganti rugi tersebut telah menukarkan tanaman gambir dan lada hitam kepada tanaman getah.

Jumlah kawasan tanaman getah bersaiz kecil iaitu kurang daripada 25 ekar pada tahun 1928 berjumlah 246,259 ekar.<sup>36</sup> Daripada jumlah ini, 72.9% terletak di kawasan berpenduduk padat iaitu di daerah Muar, Batu Pahat dan Kukup yang terletak di kawasan pantai barat.<sup>37</sup> Di kawasan selatan, pedalaman dan pantai timur kawasan penanaman getah adalah sedikit. Jika dijumlahkan keluasan ladang besar dan kebun kecil kurang dari 25 ekar didapati pemilikan oleh pemodal Asia lebih daripada pemodal Eropah. Pemodal Asia memiliki 61.1% daripada keseluruhan jumlah keluasan kawasan tanaman getah dan bakinya 38.9% dimiliki oleh pemodal-pemodal Eropah.<sup>38</sup> Dari segi keluasan sememangnya pemodal Asia melebihi pemodal Eropah, tetapi dari segi teknologi adalah sebaliknya. Pemodal Eropah pada tahun 1921 telah memulakan penanaman getah benih baru bermutu tinggi yang dapat mengeluarkan

hasil yang lebih banyak dikenali sebagai *Budgrafted*.<sup>39</sup>

### 3.2.2 Kelapa Sawit dan Nenas

Dalam tempoh masa ini, kebanyakan permohonan tanah adalah untuk tujuan menanam getah tetapi buat pertama kali permohonan telah dibuat oleh *Elaeis Guniess Ltd.* pada 1919 untuk tujuan menanam kelapa sawit secara besar-besaran.<sup>40</sup> Sebenarnya kejatuhan harga getah telah mendorong kepada perkembangan keluasan tanaman kelapa sawit. Selain daripada itu, sebagai salah satu langkah Pentadbiran Kolonial untuk menggalakkan tanaman baru ini, tanaman ini tidak dikenakan cukai eksport. Sehingga 1928, jumlah keluasan tanaman kelapa sawit di negeri Johor yang diluluskan oleh pihak Pentadbiran Kolonial adalah sebanyak 29,000 ekar.<sup>41</sup> Bagaimana pun, kawasan sebenar yang ditanam hanya berjumlah 6,457 ekar.<sup>42</sup> Kawasan yang ditanam pada tahun 1919, pada masa ini hampir mengeluarkan hasil.

Selain daripada kelapa sawit, nenas juga merupakan tanaman baru yang diusahakan secara besar-besaran. Pada tahun 1924 tanah yang ditanam dengan nenas di Johor adalah seluas 10,000 ekar<sup>43</sup> dan telah meningkat kepada 35,000 ekar pada tahun 1928.<sup>44</sup> Nenas ini ditanam sama ada secara tanaman tunggal ataupun bersama-sama

dengan tanaman getah.

Pada tahun 1919, empat buah kilang mengetin nenas telah memulakan operasi mereka. Bilangan kilang ini telah bertambah kepada 11 buah pada tahun 1928. Kesemua kilang-kilang di atas dimiliki oleh pemodal-pemodal Cina yang keseluruhannya terletak di daerah Pontian.

### **3.2.3 Kelapa dan Pinang**

Jikalau dibandingkan dengan tanaman getah, tidak ada sebuah ladang kelapa yang besar dimiliki oleh mana-mana individu di Johor. Tanaman kelapa di negeri ini rata-ratanya ditanam secara kebun kecil di pantai barat Johor, menganjur dari Kukup hingga ke sempadan negeri Melaka.<sup>45</sup> Bagaimana pun, kawasan tumpuan utama adalah dari Benut hingga Sungai Senggarang.<sup>46</sup> Kebun-kebun kecil kelapa ini dimiliki oleh orang-orang Bugis dan Jawa tetapi usaha mengeksport kopra dikendali dan dikuasai oleh peniaga-peniaga Cina di bandar.<sup>47</sup>

Tanaman pinang dalam tempoh masa ini masih tetap diteruskan kerana ia merupakan industri penting di kalangan orang Melayu. Di pantai barat Johor terdapat beberapa orang Melayu yang memiliki ladang yang luasnya lebih daripada 100 ekar. Bagaimana pun, tanaman pokok-pokok baru amat sedikit sekali dan hanya boleh didapati

di beberapa kawasan kecil di daerah Muar dan Batu Pahat.<sup>48</sup> Dalam pada itu, banyak kawasan pinang telah diterangkan untuk diganti dengan tanaman getah.

### 3.2.4. Gambir dan Lada Hitam

Gambir dan lada hitam yang diterajui oleh pemodal-pemodal Cina memperlihatkan pengurangan keluasan tanaman secara berterusan kerana bertambahnya permintaan terhadap tanaman lain yang lebih menguntungkan seperti getah.<sup>49</sup> Dari kaca mata Pentadbiran Kolonial, ini memperlihatkan satu fenomena yang menggalakkan kerana proses ini menyebabkan tanah yang ditanam secara tradisional dapat diubahsuai di samping memberi peluang kepada perkembangan keluasan tanaman getah.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, selepas perlaksanaan *Kanchu Rights Abolishment Enacment* pada 1917,<sup>50</sup> cara penanaman tradisional telah dihapuskan sepenuhnya. Dalam keadaan ini, sebilangan besar pemodal telah menukar jenis tanaman daripada gambir dan lada hitam kepada getah bagi membolehkan mereka mendapat ganti rugi daripada Pentadbiran Kolonial melalui skim di atas.

Selepas zaman kemelesetan ekonomi yang pertama, golongan pemodal merasakan pergantungan kepada satu jenis tanaman

sahaja tidaklah menjaminkan. Oleh yang demikian, mereka merasakan kepelbagai tanaman perlu dilakukan. Dalam tempoh masa ini, dua tanaman baru telah diperkenal dan diusahakan secara komersial iaitu kelapa sawit dan nenas. Pihak kerajaan juga menyokong akan usaha ini.

### 3.2.5. Logam

Selain daripada perkembangan tanaman komoditi pertanian, tumpuan pemodal diberikan kepada sektor logam. Bekas penanam-penanam getah Jepun, sebagai contoh Ishihara telah mengubah akitiviti mereka daripada menanam getah kepada aktiviti perlombongan bijih besi di Sri Medan dalam Daerah Batu Pahat.<sup>51</sup> Pada tahun 1921, Pentadbiran Kolonial telah menyewakan tanah seluas 50 ekar di Bukit Manis di bahagian tebing kiri Simpang Kiri kepada Hiroichiro Ishihara untuk tujuan perlombongan.<sup>52</sup> Kemudiannya, kawasan seluas 91 ekar yang bersebelahan di kawasan di atas telah disewakan kepada K. Amuma dan K. Tadokoro.<sup>53</sup> Hasil keluaran bijih besi telah dieksport terus ke negara pemodal iaitu Jepun dengan menggunakan sistem perhubungan laut.<sup>54</sup> Walaupun pihak British telah mengambil tindakan yang keras terhadap aktiviti perlombongan bijih besi pemodal Jepun yang juga terlibat dalam sektor tanaman getah, namun mereka tidak campurtangan dalam aktiviti

pemodal Jepun. Ini kerana, aktiviti mereka membantu perkembangan ekonomi tempatan dan peningkatan pengumpulan cukai eksport melalui aktiviti pemodal.<sup>55</sup>

Dalam tempoh masa ini, secara umum didapati perkembangan ekonomi Johor adalah lebih pesat jika dibandingkan dengan tempoh masa sebelumnya. Seperti yang telah dibincangkan, keluasan tanaman getah sebagai tanaman baru yang menguntungkan telah bertambah dengan amat pesat sekali. Selain daripada getah, tanaman baru yang lain seperti nenas dan kelapa sawit juga memperlihatkan pertambahan keluasan. Pertambahan ini berhubung rapat dengan tindakan yang dilaksanakan oleh golongan pemodal kesan daripada keadaan pasaran antarabangsa. Selain daripada membuka kawasan baru, sebilangan pemodal telah menukar jenis tanaman di ladang atau kebun mereka daripada tanaman tradisional seperti gambir dan lada hitam kepada tanaman baru seperti getah. Oleh kerana tumpuan yang lebih diberikan kepada tanaman-tanaman yang mendapat pasaran di peringkat antarabangsa, tanaman makanan yang menjadi asas keperluan manusia tidak diambil berat oleh pihak pemodal. Mereka beranggapan bahawa bekalan makanan menjadi tanggung jawab pihak Pentadbiran Kolonial.

### 3.2.6 Padi

Dalam tempoh masa ini, penanaman padi menjadi kurang penting di Johor berbanding dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Dalam hal ini, Pentadbiran Kolonial cuba untuk meningkatkan pengeluaran bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan tempatan berikutan kesulitan mengimport bekalan padi. Pada tahun 1919, Pentadbiran Kolonial telah menawarkan kepada orang ramai yang berminat untuk mengusahakan tanah tanpa sewa bagi tempoh satu tahun untuk ditanam dengan padi.<sup>56</sup> Tawaran yang diberikan oleh pihak Pentadbiran Kolonial tidak mendapat sambutan daripada penduduk tempatan. Ini disebabkan dua faktor iaitu pertama, tujuan pemodal adalah untuk mencari keuntungan. Oleh itu, mereka memilih tanaman yang mendapat pasaran yang baik di peringkat antarabangsa. Masalah ketidakcukupan bekalan bahan makanan bukan masalah kritikal dan tanggungjawab golongan pemodal. Kedua, Pentadbiran Kolonial tidak menyediakan kemudahan saliran yang amat diperlukan dalam kegiatan tanaman padi sawah.<sup>57</sup>

Sekalipun sektor tanaman makanan tidak mendapat sambutan para pemodal seperti yang diharapkan namun mereka giat

melabur dalam lain-lain sektor ekonomi dan menyumbang terhadap perkembangan ekonomi negeri Johor. Perkembangan dalam sektor pertanian, sektor perlombongan iaitu bijih besi dan sektor perkilangan, khususnya kilang mengetin nenas juga turut menunjukkan perkembangan ekonomi yang pesat. Ini telah menjadi daya penarik kepada kemasukan imigran-imigran Asia ke Johor.

### **3.3 Demografi**

Menurut data banci penduduk 1911, Johor mempunyai penduduk seramai 180,412 orang<sup>58</sup> dan dalam masa 20 tahun bilangannya telah bertambah hampir tiga kali ganda kepada 505,311 orang.<sup>59</sup> Pertambahan penduduk yang pesat ini disebabkan berlakunya penghijrahan masuk penduduk dari Asia. Dengan mengambil kira 1911 sebagai tahun asas, didapati pada 1921, Johor telah mengalami pertambahan penduduk sebanyak 56%<sup>60</sup> dan pada 1931 sebanyak 79%.<sup>61</sup> Pertambahan ini menjadikan Johor sebagai negeri yang mempunyai kadar pertumbuhan penduduk yang tertinggi di Tanah Melayu. Pada 1911, Johor menduduki tempat ke tujuh dalam senarai jumlah penduduk di Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Negeri-negeri Selat, dan telah meningkat ke tempat keempat pada 1931 (505,311 orang), selepas Perak

(765,989 orang) Singapura (1,114,015) dan Selangor (533,197 orang).<sup>62</sup>

Dilihat dari segi komposisi penduduk didapati pada 1911, orang Melayu merupakan 60.96% daripada jumlah penduduk, sementara orang Cina pula sebanyak 35.15% dan bakinya terdiri daripada orang-orang India dan lain-lain bangsa. Selepas dua puluh tahun didapati peratusan komposisi ini telah berubah, peratusan orang Melayu telah menurun kepada 46.39% dan peratusan orang Cina telah meningkat kepada 42.56%. Begitu juga dengan orang India di mana peratusannya telah meningkat dari 3.14% pada 1911 kepada 10.10% pada 1931 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.5.

Dari segi taburan penduduk didapati orang-orang Melayu pada 1911 bertumpu di kawasan pantai barat seperti di Muar, Batu Pahat dan Kukup. Sehingga 1931, pola ini masih tidak berubah. Sementara itu orang-orang Cina terdapat di seluruh Negeri Johor. Bagaimana pun, pertambahan yang agak ketara berlaku di kawasan pedalaman khususnya di daerah Kluang dan Segamat yang mencatatkan pertambahan sebanyak 9.49 kaliganda.<sup>63</sup>

Pertambahan penduduk yang pesat telah mengakibatkan pertambahan dalam bilangan bandar-bandar kecil di negeri itu. Pada

**Jadual 3. 5. Komposisi dan Jumlah Bilangan Penduduk Mengikut Bangsa pada 1911 dan 1931**


Bangsa	1911	%	1931	%	+/- 1911- 1931	Kadar Kenaikan
<b>Melayu</b>	109,983	60.96%	234,422	46.39%	124,439	113.14%
<b>Cina</b>	63,410	35.15%	215,076	42.56%	151,666	239.18%
<b>India</b>	5,659	3.14%	51,038	10.10%	45,379	801.89%
<b>Lain-lain</b>	1,360	0.75%	4,775	0.94%	3,415	251.10%
<b>Jumlah</b>	180,412	100.00%	505,311	100.00%	324,899	180.09%

Sumber: Disusun daripada **A Report on The 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics, British Malaya (The Colony of The Straits Settlements and the Malay States Under British Protection, Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunei, C.A. Vlieland, Superintendent of Census, London, The Crown Agents for the Colonies, 1932.** hal: 122-123.

tahun 1911, didapati bilangan bandar yang melebihi 1,000 orang penduduk hanya berjumlah tiga buah sahaja dan bilangan ini telah meningkat kepada 14 buah pada tahun 1931.<sup>64</sup> Sehubungan dengan itu kadar urbanisasi juga telah meningkat daripada 9.7% pada 1911 kepada 16.4% pada tahun 1931. Sebilangan besar daripada bandar-bandar baru tersebut muncul di sepanjang jalan keretapi khususnya di persimpangan jalan keretapi dengan jalan raya yang merupakan pola baru berlaku dalam kawasan jaluran getah. Selain daripada itu, didapati orang-orang Cina mendiami semua bandar-bandar di Negeri Johor kecuali bandar Mersing yang terletak di utara pantai timur negeri Johor seperti yang ditunjukkan dalam Peta 3.1. dan Jadual 3.6. Daripada Jadual 3.6 dan Jadual 3.7. didapati komposisi kaum di setiap bandar dan daerah di negeri itu berbeza antara sebuah bandar dengan bandar yang lain.

Perkembangan yang pesat dalam pengeluaran komoditi-komoditi baru dan pembangunan dalam infrastruktur seperti landasan keretapi dan jalan raya secara langsung telah menggambarkan perkembangan aktiviti ekonomi di Johor. Sehubungan dengan ini, pertambahan dan taburan penduduk juga adalah seiring dengan keperluan

**Peta 3.1. Pengagihan Penduduk di Bandar-Bandar dalam Negeri Johor, (Lebih daripada 1,000 orang)**



Sumber: Disusun daripada Census 1931, hal: 141.

**Jadual 3.6. Komposisi Jumlah Bilangan Bangsa di Bandar-Bandar pada 1931 (Lebih Daripada 1,000 orang)**

Nama Bandar	Erropah	%	Melayu	%	Cina	%	India	%	Lain-Lain	%	Jumlah
<b>Bandar Maharani</b>	134	0.66%	7,267	35.73%	10,660	52.41%	1,902	9.35%	375	1.84%	20,339
<b>Bandar Penggaram</b>	43	0.32%	3,482	26.12%	8,094	60.72%	1,111	8.33%	599	4.49%	13,330
<b>Johor Bahru</b>	252	1.17%	8,357	38.93%	8,902	41.47%	3,220	15.00%	732	3.41%	21,464
<b>Kluang</b>	23	0.36%	500	7.72%	5,265	81.33%	616	9.51%	69	1.07%	6,474
<b>Kota Tinggi</b>	4	0.14%	551	19.45%	1,956	69.04%	273	9.64%	48	1.69%	2,833
<b>Labis</b>	0	0.00%	82	7.93%	813	78.63%	122	11.80%	16	1.55%	1,034
<b>Mersing</b>	2	0.07%	1,676	59.22%	918	32.44%	213	7.53%	20	0.71%	2,830
<b>Paloh</b>	0	0.00%	48	3.56%	1,193	88.57%	93	6.90%	12	0.89%	1,347
<b>Parut Jawa</b>	0	0.00%	307	28.53%	635	59.01%	124	11.52%	9	0.84%	1,076
<b>Pontian Besar</b>	0	0.00%	369	33.58%	630	57.32%	99	9.01%		0.00%	1,099
<b>Pontian Kecil</b>	4	0.13%	512	17.10%	2,357	78.70%	100	3.34%	21	0.70%	2,995
<b>Rengam</b>	0	0.00%	105	7.67%	1,062	77.57%	172	12.56%	29	2.12%	1,369
<b>Segamat</b>	23	0.53%	622	14.35%	2,849	65.75%	723	16.69%	115	2.65%	4,333
<b>Tangkak</b>	5	0.20%	444	17.67%	1,766	70.27%	294	11.70%	3	0.12%	2,513

Sumber: Disusun daripada A Report on The 1931 Census And On Certain Problems of Vital Statistics, British Malaya,(The Colony of The Straits Settlements and The Malay States Under British Protection Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore,Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunei, C.A. Vlieland, Superintendent of the Census, London, The Crown Agents for The Colonies, hal:141.

**Jadual 3.7. Taburan Kaum Mengikut Daerah 1911 dan 1931**

Daerah	Tahun	Melayu	Cina	India	Lain
<b>Muar</b>	1911	45,083 (71.68 %)	16,222 (25.79 %)	1,583 (2.51 %)	t.d
	1931	78,634 (52.26 %)	57,800 (38.41 %)	13,164 (8.74 %)	854 (0.56 %)
<b>Batu Pahat, Kukup</b>	1911	37,748 (72.35 %)	14,037 (26.90 %)	388 (0.74 %)	t.d
	1931	71,606 (54.13 %)	51,960 (39.28 %)	7,358 (5.56 %)	1,357 (1.02 %)
<b>Johor Bahru</b>	1911	8,290 (33.97 %)	14,394 (58.99 %)	1,716 (7.03 %)	t.d
	1931	19,822 (22.11 %)	57,441 (64.09 %)	10,757 (12.00 %)	1,593 (1.77 %)
<b>Segamat</b>	1911	6,777 (50.57 %)	4,783 (35.69 %)	1,840 (13.73 %)	t.d
	1931	11,535 (16.20 %)	45,379 (63.73 %)	14,281 (20.05 %)	375 (5.26 %)
<b>Endau, Kota Tinggi</b>	1911	12,085 (46.14 %)	13,974 (53.35 %)	132 (0.50 %)	t.d
	1931	20,900 (39.52 %)	25,567 (48.34 %)	5,817 (11.00 %)	596 (1.12 %)
<b>Jumlah</b>	1911	109,983	63,410	5,659	1,060
	1931	202,497	215,076	51,038	4,775

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada A Report on The 1931 Census And On Certain Problems of Vital Statistics, British Malaya,(The Colony of The Straits Settlements and The Malay States Under British Protection Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore,Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunei, C.A. Vlieland, Superintendent of the Census, London, The Crown Agents for The Colonies, hal:122-123.

langsung pembangunan ekonomi tempatan. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini pertambahan penduduk di Johor merupakan pertambahan terpesat di Negeri-Negeri Tanah Melayu. Pertambahan penduduk yang pesat bukan sahaja meningkatkan jumlah eksport ekoran daripada perkembangan komoditi-komoditi baru malah meningkatkan jumlah import yang secara telah meningkatkan jumlah pendapatan Pentadbiran Kolonial melalui cukai kastam.

### **3.4        Pentadbiran Kolonial**

Keadaan pasaran yang menggalakkan bagi beberapa komoditi, pertambahan dalam bilangan pemodal dan kepelbagaiannya ekonomi telah membolehkan Johor mencatatkan perkembangan ekonomi yang amat pesat sekali. Dengan mengambil kesempatan fenomena yang menggalakkan di atas, Pentadbiran Kolonial melalui pentadbiran mereka telah memainkan peranan yang penting dengan melaksanakan beberapa polisi dalam usaha mengeksplotasi potensi ekonomi negeri itu. Struktur kewangan telah dikukuhkan. Dalam tempoh masa ini terdapat sedikit perubahan dalam komposisi hasil negeri. Cukai kastam menjadi paling penting dan cukai tanah memperlihatkan pertambahan yang berterusan ekoran daripada sistem pentadbiran yang berjalan dengan lancar.

Dari segi perbelanjaan, Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan belanjawan yang besar untuk gaji kakitangan, pence dan kos pentadbiran, kerja raya dan perkhidmatan sosial. Melalui perancangan ini, Pentadbiran Kolonial telah melaksanakan peruntukan khas bagi menguruskan struktur ekonomi negeri. Bagaimana pun, tujuan utama yang dianjurkan oleh Pentadbiran Kolonial bukanlah pembangunan ekonomi tempatan. Aspek yang paling penting adalah pengumpulan lebihan kewangan dan peruntukan kepada portfolio pelaburan kewangan. Selepas selesai pembayaran hutang *Johore State Railway Loan* pada 1918, Pentadbiran Kolonial telah mula mengumpulkan lebihan kewangan dan sebahagian besarnya diperuntukan bagi portfolio pelaburan kewangan. Portfolio pelaburan kewangan ini telah dilaburkan ke Britain dan koloni-koloni British melalui *Crown Agent*.

### **3.5 Pendapatan Negeri**

Ekoran daripada perkembangan dan keperbaikan ekonomi, Pentadbiran Kolonial telah melaksanakan beberapa polisi bagi mengukuhkan kutipan hasil. Jumlah nilai pengutipan hasil telah memperlihatkan pertambahan yang amat banyak sekali iaitu daripada \$4,352, 897 pada tahun 1914<sup>65</sup> kepada \$20,698,077 pada tahun 1928.<sup>66</sup>

Komposisi sumber hasil negeri telah berubah setiap tahun seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 5.1. dan Gambarajah 5.1.. Dalam era yang lalu seperti yang telah dijelaskan dalam Bab Dua, eksais dan lesen terutamanya penjualan candu memainkan peranan yang penting. Bagaimana pun dalam tempoh masa ini seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 5.2., hasil kastam memainkan peranan yang utama. Di samping itu cukai tanah juga menunjukkan perkembangan yang stabil ekoran daripada perkembangan pemilikan tanah dan pengenalan cukai baru.

### **3.5.1 Kastam**

Cukai kastam dalam tempoh masa ini merupakan tulang belakang kepada pendapatan Negeri Johor. Pada tahun 1914, cukai kastam telah menyumbangkan 24.03% (\$1,045,866)<sup>67</sup> daripada jumlah hasil negeri dan pada 1928 sumbangannya telah meningkat kepada 42.74% (\$8,846,787).<sup>68</sup> Jumlah sumbangan tersebut adalah merangkumi duti eksport dan duti import.

Dari jumlah keseluruhan cukai kastam, getah menyumbangkan pendapatan yang tinggi daripada \$305,308 (29.19%)<sup>69</sup> pada 1914 kepada \$4,717,950 (53.33%) pada 1928.<sup>70</sup> (Sila lihat

Lampiran Jadual 5.2.). Sebaliknya, cukai eksport daripada bahan pertanian tradisional seperti gambir, lada hitam, pinang dan kelapa telah jatuh daripada \$378,667 (36.2%) pada tahun 1914<sup>71</sup> kepada \$350,259 (3.95 %) pada tahun 1928.<sup>72</sup> Dalam usaha memaksimakan cukai kastam ini, Pentadbiran Kolonial amat kerap mengubah kadar duti bagi barang tertentu. Dalam kes duti getah, Pentadbiran Kolonial kerap menukar kadar duti dan kaedah pengumpulan seperti *Ad-Volerem* atau kadar tetap bertentangan dengan nilai. Ini dapat dilihat dari Jadual 3.8. di bawah. Tujuan Pentadbiran Kolonial menukar kadar duti tersebut adalah untuk menyesuaikan dengan keadaan pasaran dan penglibatan pemodal dalam sektor tersebut di Johor.

Dalam tempoh 1914 - 1928, duti cukai import hanya dikenakan kepada arak sahaja. Bagaimana pun, pada masa ini banyak barang telah dikenakan duti import seperti rokok yang mula dikenakan pada tahun 1916, *Licence for Cigarette* (1920), mancis dan petrol (1921). Di bawah transformasi ini, kepentingan duti import telah meningkat daripada 19.54% (\$204,398)<sup>73</sup> pada 1914 kepada 29.87% (\$2,642,430) pada 1928<sup>74</sup> seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 5.2.. Daripada Jadual tersebut didapati dalam masa kemelesetan ekonomi

**Jadual 3.8. Pindaan Pengenaan Kadar Duti Eksport Terhadap Getah, 1914 - 1928**

Tahun	Kadar Cukai
1914	<i>Sliding Scale Min, Price, 1/6 per 1b</i>
1918	<i>2.5% - 5% Ad-valorem</i>
	Semenjak 1hb November, 1918, Duti eksport tidak dikenakan jikalau harga pasaran kurang daripada 50 sen setiap lb.
1919	Pindaan Kadar Cukai, 1 Januari 1919
1921	<i>Sliding Scale, Minimum 35 sen 1b.</i>
1922	Pindaan Perlembagaan Seksyen 4
1923	Pindaan Perlembagaan Seksyon 6
1925	Pindaan Perlembagaan Seksyon 6
1928	Pindaan Perlembagaan Seksyon 6

Sumber: Disusun daripada FCJ 121/1914, FCJ 70/1916, FCJ 157/1916, FCJ 29/1918, FCJ 122/1922, FCJ 185/1918, FCJ 66/1918, FCJ 178/1918, FCJ 221/1921, FCJ 327/1921, FCJ 244/1922, FCJ 668/1925, dan FCJ 81/1928.

(1919-1922), cukai import lebih kukuh daripada cukai eksport. Ini disebabkan cukai import keseluruhannya melibatkan barang-barang pengguna yang permintaannya adalah tetap.

Dalam tempoh masa ini, Johor Bahru telah menjadi daerah terpenting bagi pengutipan duti kastam berbanding dengan daerah-daerah lain. Pertambahan pesat ini terjadi ekoran daripada siapnya pembinaan Tambak Johor pada tahun 1924 yang membolehkan barang dieksport ke Singapura melalui tambak tersebut. Sebaliknya, daerah utara dan timur Johor seperti Endau dan Segamat hanya memperolehi kutipan yang kecil sahaja seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.9. dan Gambarajah 3.1. Keadaan ini memperlihatkan hubungan perdagangan Johor lebih erat dengan Singapura berbanding dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Kekukuhan hubungan dagangan dengan Singapura menyebabkan Kerajaan Johor tidak mahu bergabung dengan *Custom Union* yang dianggotai oleh negeri-negeri di bawah NNMB pada 1921.<sup>75</sup> Kerajaan Johor menukuhan unit kastam dan menentukan kadar tarifnya yang tersendiri. *Restriction Law* di Johor mengandungi *Enactment No.9 1923*.<sup>76</sup>


Walaupun pentadbiran kastam di Johor bebas dari NNS

**Jadual 3.9. Komposisi dan Jumlah Nilai Pengutipan Duti Kastam Mengikut Daerah di Negeri Johor, 1914 - 1928,  
(Straits Dollar)**

Tahun	Johor Bahru	Kota Tinggi	Muar	Batu Pahat	Kelantan	Endau	Segamat	Jumlah
1912	260,486	31,23	127,226	15,26	291,164	34,90	54,151	8,19
1913	273,316	30,29	143,722	15,81	262,108	29,88	55,414	9,40
1914	279,163	25,89	154,358	14,78	315,449	32,03	129,417	12,38
1915	408,163	23,38	203,438	12,18	329,163	31,35	159,468	7,20
1916	752,376	28,30	284,341	10,19	763,703	29,33	208,704	8,02
1917	1,068,813	32,64	304,633	9,22	917,211	27,97	237,989	7,13
1918	841,880	32,81	278,568	10,78	529,530	20,64	187,819	7,32
1919	1,172,459	32,82	382,327	10,70	392,154	27,79	190,738	9,82
1920	1,306,813	37,29	459,227	12,19	815,732	22,47	254,164	9,32
1921	973,907	51,58	178,819	9,33	179,643	9,49	211,822	11,19
1922	1,079,509	47,74	212,438	9,22	317,390	13,79	337,878	14,87
1923	1,658,743	43,10	344,338	9,00	710,883	13,25	349,341	14,25
1924	1,581,340	40,76	417,800	11,42	711,488	18,57	369,800	14,84
1925	2,292,709	37,93	461,924	7,58	1,759,327	29,24	871,718	14,48
1926	1,694,673	34,56	800,000	8,41	1,024,160	29,19	392,492	12,98
1927	1,619,881	30,28	677,841	9,43	1,182,827	18,47	859,090	11,98
1928	2,969,208	54,98	427,598	7,12	650,485	12,79	756,040	14,00

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1928

**Gambarajah 3.1. Jumlah Nilai Pengutipan Duti Kastam Mengikut Daerah di Negeri Johor, 1914 - 1928,  
(Straits Dollar)**



Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1928

dan NNMB tetapi sistem pentadbiran ini mengadaptasi polisi kastam yang serupa. Di Johor, duti eksport dan import dikutip di 45 buah pusat yang terletak di beberapa lokasi antaranya termasuklah di stesen keretapi, jeti, pelabuhan dan di bandar-bandar tertentu.<sup>77</sup>

### **3.5.2. Lesen dan Eksais**

Salah satu daripada punca pendapatan negeri yang penting adalah daripada kutipan cukai candu dan arak yang diperolehi melalui *Excise Enactment*. Pada tahun 1914 daripada sumber ini Pentadbiran Kolonial memperolehi sebanyak \$2,528,926. Jumlah ini merupakan 58.10% daripada jumlah keseluruhan pendapatan. Pada tahun 1928, jumlah kutipan telah meningkat kepada \$5,052,533. Bagaimanapun dari segi kepentingan ianya telah menurun kepada hanya 24.41% sahaja.<sup>78</sup>

### **3.5.3. Cukai Tanah**

Dalam tempoh ini, pengutipan hasil melalui cukai tanah menunjukkan peningkatan yang stabil. Peningkatan ini berhubung rapat dengan kekemasan pentadbiran dan kepelbagaiannya item-item kutipan. Jumlah kutipan di bawah ketegori Cukai Tanah telah diklasifikasikan kepada empat iaitu Sewa (*Renting*), Pajak (*Leasing*), Yuran (*Fees*) dan Penjualan Tanah (*Land Sale*). Daripada sumber-sumber ini, sewa tanah menyumbangkan pendapatan yang terbanyak, seperti yang ditunjukkan

dalam Jadual 3.10. Daripada Jadual tersebut, didapati sewa tanah telah meningkat hampir 9.49 kali ganda daripada \$ 275,247 pada tahun 1914<sup>79</sup> kepada \$2,612,502 pada 1928.<sup>80</sup> Walau bagaimanapun, dari segi peratusan komposisi telah menurun sedikit daripada 70.14% kepada 61.89%. Penurunan peratusan ini adalah disebabkan berlakunya kenaikan sumbangan daripada cukai penjualan tanah dan pajakan tanah. Ditinjau dari segi kawasan, didapati jumlah kutipan cukai tanah telah memperlihatkan sedikit perubahan. Pada 1914, 65.42% daripada jumlah hasil cukai tanah dikutip dari Daerah Johor Bahru. Daerah Muar dan Batu Pahat secara bandingannya hanya menyumbangkan peratusan yang kecil sahaja iaitu masing-masing sebanyak 21.60% dan 12.99%. Bagaimana pun, perubahan kecil telah berlaku pada 1925<sup>81</sup> di mana peratusan Daerah Johor Bahru telah menurun kepada 39.03%, sementara Daerah Muar, Batu Pahat dan Segamat telah memperlihatkan peningkatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.11.

Perubahan peratusan di atas berhubung rapat dengan kekemasan pentadbiran yang dapat mengutip hasil bagi setiap kawasan dengan lebih menyeluruh. Pada 1917, satu perubahan pentadbiran penting telah dilakukan di mana Pentadbiran Kolonial mengadaptasi

**Jadual 3.10. Komposisi Pengutipan Cukai Tanah Mengikut Sumber- Sumber Pada 1914, 1921, 1924 dan 1928, (*Straits Dollar*)**

	1914	%	1921	%	1924	%	1928	%
<b>Sewa:-</b>								
Land Rent, Recurrent	191,358	69.52%	798,421	79.40%	1,455,026	83.25%	2,220,422	84.70%
Land Rent, Annual Licences	8,128	2.95%	10,960	1.09%	18,981	1.09%	44,978	1.71%
Mining Rents	1,447	0.53%	17,362	1.73%	13,348	0.76%	10,434	0.40%
Rent of Government Plantation	128	0.05%	445	0.04%	716	0.04%	172	0.01%
<b>Lessen:-</b>								
Gravel, Stone, Etc	6,271	2.28%	1,509	0.15%	893	0.05%	4,252	0.16%
Mining	-	0.00%	805	0.08%	63	0.00%	50	0.00%
Prospecting	1,350	0.49%	14,277	1.42%	6,324	0.37%	3,728	0.22%
<b>Fees:-</b>								
Miscellaneous	-	0.00%	1,167	0.12%	1,901	0.11%	3,663	0.22%
Notices, Warrents, etc	118	0.04%	2,981	0.30%	4,359	0.23%	13,401	0.52%
Registration of Titles, etc	4,613	1.68%	5,702	0.57%	12,402	0.71%	20,046	0.76%
Survey and Demarcation	24,533	8.91%	92,730	9.23%	122,061	6.98%	101,820	3.88%
<b>Jualan Tanah:-</b>								
Premium on Agricultural Land	-	0.00%	151,118	15.03%	307,560	17.60%	1,021,593	38.97%
Premium on Mining Land	-	0.00%	15,480	1.54%	10,422	0.60%	9,610	0.37%
<b>Fees:</b>								
Rubber Dealers Enactment	-	0.00%	26,134	2.60%	98,612	5.64%	99,108	3.78%
Burials Enactment	-	0.00%	-	0.00%	-	0.00%	-	0.00%
Mineral Ores Enactment	-	0.00%	-	0.00%	300	0.02%	500	0.02%
Sale of Boundary Marks	-	0.00%	14,120	1.40%	9,089	0.52%	11,469	0.44%
Sale of Plans	582	0.21%	292	0.03%	801	0.05%	1,849	0.07%
Miscellaneous	6,948	2.52%	-	0.00%	1,130	0.06%	16,170	0.62%
Jumlah Cukai Tanah	273,247	100.00%	1,005,612	100.00%	1,747,758	100.00%	2,621,302	100.00%

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914, hal: 11 , ARJ 1921, hal:6 , ARJ 1924, hal:6 ARJ 1928, hal:23.

**Jadual 3.11. Pengutipan Hasil Daripada Cukai Tanah Mengikut Daerah-Daerah, 1914 - 1928**

Tahun	Batu Pahat	Muar	Johor Bahru		
1914	12.99%	21.60%	65.42%		
1915	t.d.	-	-		
1916	11.55%	23.48%	64.98%		
1917	12.27%	29.05%	58.68%		
1918	10.72%	25.31%	63.97%		
1919	12.48%	26.73%	52.04%		
	Batu Pahat	Muar	Johor Bahru	Segamat	Endau
1920	13.07%	25.80%	50.56%		10.57%
1921	15.15%	27.57%	46.12%	8.04%	11.34%
1922	13.47%	25.94%	46.17%	8.27%	6.14%
1923	20.03%	29.09%	37.31%	10.22%	3.34%
1924	t.d.	-	-	-	-
1925	19.66%	31.01%	39.03%	8.07%	2.23%
1926	t.d.	-	-	-	-
1927	t.d.	-	-	-	-
1928	t.d.	-	-	-	-

Nota: t.d. = Tidak ada data.

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914, hal:12, ARJ 1916, hal:8, ARJ 1917, hal:6, ARJ 1918, hal:7, ARJ 1919, hal:9, ARJ 1920, hal:7, ARJ 1922, hal:7, ARJ 1923, hal:8, ARJ 1924 ,hal:7, ARJ 1925, hal:8.

prinsip Penghulu atau Ketua Kampong bergaji. Penghulu dan Ketua Kampong diberi kuasa dan tugas mengutip cukai tanah daripada penduduk diletakkan di bawah jagaan mereka.<sup>82</sup> Dalam tempoh masa ini, bilangan Penghulu dan Ketua Kampong yang diperlukan bertambah setiap tahun. Sebagai rumusan dapat dikatakan pada tempoh masa ini, Pentadbiran Kolonial telah berjaya meningkatkan kutipan hasil negeri, dengan mengalihkan pergantungan yang kuat kepada penjualan candu kepada kastam dan cukai tanah. Pertambahan ini disebabkan oleh dua faktor. Pertama, keadaan pasaran yang baik bagi beberapa komoditi seperti getah yang berjaya menarik masuk sebilangan pemodal-pemodal Eropah dan Asia. Pemodal - pemodal tersebut dalam usaha mereka membuka tanah untuk pertanian secara besar-besaran telah menjadi pembayar cukai yang penting kepada Pentadbiran Kolonial melalui cukai tanah dan cukai duti eksport.

Kedua, penglibatan golongan pemodal dalam pembangunan ekonomi telah menggalakkan pertambahan penduduk yang pesat. Pertambahan penduduk ini sedikit sebanyak telah menyumbangkan pendapatan kepada negeri Johor melalui cukai duti import dan duti terhadap barang tempatan. Ini disebabkan penduduk negeri itu adalah

pengguna yang perlu membayar cukai-cukai di atas. Kutipan hasil negeri yang lumayan ini tidak dibelanjakan secara boros tetapi telah digunakan dengan begitu teratur sehingga berjaya menghasilkan lebihan yang membanggakan.

### **3.6 Perbelanjaan Negeri**

Pendapatan negeri yang lumayan berikutan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan telah mendorong pihak Pentadbiran Kolonial menyusun semula peruntukan belanjawan agar keadaan ekonomi tempatan terus berkembang pesat. Seiring dengan perkembangan ekonomi yang pesat, belanjawan negeri juga turut meningkat daripada \$3,899,698 pada tahun 1914<sup>83</sup> kepada \$16,455,473 pada tahun 1928<sup>84</sup> seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 6.1 dan Gambarajah 6.1..

Dalam tempoh masa ini peruntukan belanjawan bagi pencen, gaji kakitangan dan kos pentadbiran memakan belanja sebanyak (41.14 %), Pembinaan infrastruktur bagi sektor kerja raya, utiliti dan perkhidmatan sosial (36.29%) dan peruntukan khas (22.57%).

#### **3.6.1 Gaji Kakitangan, Pencen dan Kos Pentadbiran**

Pada tahun 1914 peruntukan bagi gaji kakitangan, pencen dan kos pentadbiran adalah sebanyak \$2,072,364 yang merupakan

53.14% daripada jumlah perbelanjaan negeri. Oleh kerana berlakunya peningkatan dalam bilangan kakitangan Pentadbiran Kolonial dan perkembangan aktiviti pentadbiran, maka jumlah peruntukan kepada gaji kakitangan, pence dan kos pentadbiran terus bertambah hingga kepada \$7,544,132 pada tahun 1928. Perangkaan ini merupakan 45.87% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan negeri.

### **3.6.2           Kerja Raya**

Pada peringkat awal, Pentadbiran Kolonial memberikan tumpuan utama terhadap pembinaan sistem landasan keretapi bagi menghubungkan Johor dengan Negeri-Negeri Tanah Melayu yang lain. Walau bagaimanapun, Johor belum mempunyai sistem pengangkutan darat yang dapat menghubungkan semua kawasan-kawasan yang berpenduduk. Sistem pengangkutan di kawasan-kawasan ini masih lagi bergantung kepada sistem pengangkutan air.

Selepas siap pembinaan landasan keretapi, Pentadbiran Kolonial selanjutnya memberi tumpuan terhadap pembinaan jalan raya berdasarkan rancangan skim jalanraya pada 1911. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 3.12 dan Peta 3.2., sistem jalanraya telah menunjukkan perkembangan yang pesat. Jadual 3.13 menunjukkan sistem jalan raya utama yang dibina dalam jangka masa ini. Seperti yang dapat dilihat di daerah Barat, pedalaman dan selatan. Namun begitu, daerah

**Jadual 3.12. Perkembangan Sistem Penangkutan Jalan Raya, 1914 - 1928, (Batu)**

Daerah		Jarak (batu)	Tahun Siap dibina	
Tangkah	-	Sungai Mati	9	1914
Kluang	-	Batu Pahat	33	1917
Jementah	-	Ulu Jementah	7	1917
Ulu Jementah	-	Tangkah	19	1918
Batu Anam	-	Jementah	8	1918
Kulai	-	Ayer Hitam	38	1919
Rengam	-	Ulu Benut	8	1919
Batu Anam	-	Tambang	8.5	1920
Tenang	-	Segamat	12	1921
Kluang	-	Mersing	65	1922
Yong Peng	-	Paloh	19	1924
Muar	-	Penchong	21	1926
Ayer Hitam	-	Muar	44	1926

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1928


**Jadual 3.13. Keluasan Jalan Kota dan Jalan Negeri Mengikut Daerah, 1928, (Batu)**

Daerah	Jalan Kota		Jalan Negeri	
	I	II	I	II
Johor Bahru	44.67	12.18	94.83	-
Muar	18.6	9.25	126.52	3.42
Segamat	5.45	2.21	80.87	-
Batu Pahat	10.75	4.31	77.52	3.8
Kluang	5.05	1	95.12	2
Mersing	3.75	1.75	39	27.5
Kota Tinggi	3.68	8.2	43.14	1.85

Nota: I = Metalled, II = Natural (Non-Metalled)

Sumber: ARJ 1928

**Peta 3.2. Perkembangan Sistem Pengangkutan Jalan Raya, 1914 - 1928**



Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1928

timur tidak menunjukkan sebarang kemajuan kecuali Kluang - Mersing. Bagi pembinaan jalan raya, kawasan-kawasan yang berpenduduk padat seperti Johor Bahru, Muar (Bandar Maharani) and Batu Pahat (Bandar Penggaram) menunjukan perkembangan yang jelas.

Pentadbiran Kolonial terus memperuntukkan sejumlah wang agar dapat membina sistem jalan raya yang dirancangkan secepat mungkin.<sup>85</sup> Tindakan ini mustahak bagi membina sistem pengangkutan yang lengkap. Seiring dengan perkembangan jalan raya, jumlah bilangan lesen memandu kereta juga turut meningkat daripada 306 pada tahun 1918 kepada 7,285 pada tahun 1926.

Ekoran daripada pembinaan landasan keretapi dan jalanraya, Pentadbiran Kolonial telah berjaya mengubah mod pengangkutan barang dari pengangkutan laut kepada pengangkutan darat. Selain daripada itu, Johor Bahru telah menjadi sebuah kawasan yang mustahak untuk menghantar barang ke Singapura. Dalam perkembangan ini, sistem pengangkutan lama seperti *Wagon Ferry* dan Landasan Keretapi Muar telah mengalami kemerosotan kerana tidak lagi praktikal untuk memenuhi permintaan aktiviti pengangkutan barang dagangan.<sup>86</sup> Perkembangan sistem pengangkutan darat seperti landasan keretapi dan

jalan raya juga telah memberi impak yang negatif kepada sistem pengangkutan lama. Pertama, Landasan Keretapi Muar telah mengalami masalah kewangan. Akibat daripada kemunculan jalan raya di kawasan tersebut penggunaan landasan keretapi di Muar telah menunjukan kemerosotan<sup>87</sup> serta kerugian pendapatan dalam negeri pada tahun 1918. Walaupun Sultan cuba untuk meneruskan sistem ini namun usaha tersebut telah gagal.<sup>88</sup> Pihak British telah menghapuskan sistem pengangkutan tersebut pada Mei 1919. Dalam tahun 1916 - 1918, pendapatannya jatuh daripada \$100,000 kepada \$57,623. Sebaliknya, perbelanjaannya meningkat daripada \$58,000 kepada \$81,242. Selain daripada itu, jumlah barang yang diangkat pula jatuh dari 125,000 pikul kepada 66,741 pikul.<sup>89</sup> ( Sila lihat Jadual 3.14.)

Ekoran daripada pembinaan landasan keretapi dan perkembangan sistem jalan raya, pada tahun 1909 Johor Bahru telah menjadi kawasan yang sangat sibuk. Johor Bahru menjadi sebagai bandar persinggahan untuk menghantar barang dagangan ke Singapura seperti komoditi dan barang keperluan harian. Jumlah kuantiti dagangan telah meningkat daripada 7,583 tan pada tahun 1916 kepada 12,548 tan pada tahun 1920. (Sila lihat Jadual 3.15). Dalam transfromasi

**Jadual 3.14. Struktur Kewangan Jalan Keretapi Muar, 1914-1918,  
(Straits Dollar)**

Faktor	1914	1915	1916	1917	1918
Pendapatan	79,044	86,071	100,000	93,080	57,623
Perbelanjaan	t.d	63,217	58,000	63,831	81,242
Jumlah Penumpang	304,725	361,224	418,000	363,335	254,789
Jumlah Barang	8,282	7,600	125,000	104,454	66,741

Sumber: Disusun daripada ARJ 1910- 1918

**Jadual 3.15. Kekerapan Laluan Feri Johor Bahru - Singapura  
dari Tahun 1916 hingga 16 September 1923  
(Tarikh Perkhidmatan Feri Berakhir)**

Tahun	Feri Wagon berisi ke Singapura	Feri Wagon Kosong ke Singapura	Feri Wagon Kosong Ke Singapura	Feri Wagon Penuh dari Singapura	Jumlah Laluan
1916	9,508	12,517	21,824	377	7,583
1917	11,801	15,811	26,950	54	9,529
1918	15,085	10,961	25,002	466	9,171
1919	19,211	8,432	25,324	1,777	10,680
1920	20,900	8,088	24,716	3,409	12,548

Sumber: Ali Zainalabidin B Syed Mohamad, "Sejarah Pembinaan Tambak Johor", Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tengara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1992, hal:52.

tersebut, pengurusan *Wagon Ferry* tidak dapat memenuhi kapasiti dagangan yang semakin meningkat. Akhirnya, rancangan pembinaan tambak Johor dilancarkan pada tahun 1921.<sup>90</sup>

### **3.6.3 Utiliti**

Selain daripada kerja raya, Pentadbiran Kolonial turut memberi tumpuan terhadap penyediaan sistem perhubungan seperti telegraf dan telefon, bekalan air dan bekalan elektrik khususnya di kawasan-kawasan bandar dan pusat pentadbiran dengan tujuan untuk peningkatan mutu sistem pentadbiran, keselamatan dan yang lebih penting ialah untuk memudahkan urusan perniagaan. Semua kemudahan ini disediakan pada peringkat awal dengan mengenakan sedikit bayaran kepada pengguna. Dengan yang demikian pada tempoh ini ianya tidak menyumbangkan pendapatan yang besar kepada negeri.

#### **3.6.3.1 Telegraf dan Telefon**


G.P.Cuscaden, Pesuruhjaya Polis memainkan peranan penting dalam perkembangan pembinaan sistem telekomunikasi di Johor. Pada tahun 1918, beliau mencadangkan pembinaan sistem tersebut dengan tujuan untuk meningkatkan mutu pentadbiran dan keselamatan dalam negeri. Dalam jangka masa ini, *Exchange Station* telah dibina di

Kulai, Sedenak, Layang-Layang, Rengam, Kluang, Segamat, Batu Anam, Gemas, Mersing, Batu Pahat, Kota Tinggi dan Johore Bahru.<sup>91</sup> Selain daripada sistem telefon, pihak Pentadbiran Kolonial telah membina sistem telegraf.<sup>92</sup> Sistem ini memainkan peranan penting bagi mengumpulkan pendapatan negeri. Seperti yang dapat dilihat dalam Peta 3.3, Kluang menjadi pusat telekomunikasi serta sistem pengangkutan jalan raya.

### 3.6.3.2 Bekalan Air

Sekirannya dibandingkan dengan perkembangan yang berlaku dalam sistem pengangkutan dan perhubungan, Pentadbiran Kolonial tidak menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi pembinaan sistem bekalan air. Ini disebabkan sistem tersebut tidak secara langsung memainkan peranan penting dalam memajukan ekonomi negeri. Kebanyakan bekalan air cuma digunakan di bandar-bandar yang berpenduduk padat dan bukan untuk pelaburan modal. Bagaimanapun, akibat daripada peningkatan jumlah penduduk yang begitu mendadak di Johor telah menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan air yang serius dalam negeri. Pentadbiran Kolonial tidak mengambil sebarang tindakan yang berkesan untuk menyelesaikan masalah kekurangan bekalan

Peta 3.3. Perkembangan Sistem Telegraf dan Telefon, 1914 - 1928



Sumber: Peta ini dilukis berdasarkan di atas data-data yang didapati daripada ARJ 1914 - 1928.


tersebut. Sebaliknya pada tahun 1923, Pentadbiran Kolonial Johor telah memberi keizinan kepada Majlis Perbandaran Singapura untuk membentuk Skim Linggui. (Sila lihat Peta 3.4)

Di bawah skim ini air mentah dari Johor di salurkan ke Singapura. Di Singapura air mentah tersebut diproses untuk dijadikan air bersih yang sebahagian besarnya digunakan untuk pembangunan sektor perkapalan, perindustrian dan kegunaan awam. Dalam perjanjian skim tersebut Singapura disyaratkan menjual sebahagian daripada jumlah air yang diproses ke negeri Johor. Semua urusan pembersihan air ini dimodali dan dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Perbandaran Singapura.<sup>93</sup> Pentadbiran Kolonial Johor tidak mengambil peluang keemasan ini untuk menjadikan sumber air sebagai punca pendapatan negeri.

### **3.6.3.3 Bekalan Elektrik**

Pada tahun 1914, merupakan kali pertama Pentadbiran Kolonial membina stesyen kuasa elektrik bertujuan untuk membekalkan elektrik kepada bangunan-bangunan kerajaan, kedai dan jalan-jalan raya utama di Bandar Johor Bahru. Oleh kerana tingginya permintaan untuk bekalan elektrik, maka pihak Pentadbiran Kolonial setiap tahun telah meningkatkan bekalan tersebut melalui kontrak yang diuruskan oleh

Peta 3.4. Perkembangan Sistem Bekalan Air, 1914 - 1928



Sumber: Disusun daripada ARJ 1914-1928

*Public Works Department* dan *Central Engine Works Ltd.* Projek yang terbesar telah dilaksanakan pada tahun 1928 dengan membina *Electric Power Station* di Bandar Johor Bahru dan Muar.<sup>94</sup>

#### **3.6.4. Perkhidmatan Sosial**

Pertambahan bilangan imigran Asia yang begitu ramai ke negeri Johor telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam peruntukan belanjawan bagi perkhidmatan sosial khasnya Pendidikan dan Perubatan.

##### **3.6.4.1 Pendidikan**

Kepentingan pelajaran telah mula dirasai oleh rakyat kebanyakannya. Ekoran daripada itu bilangan sekolah, murid dan guru telah meningkat dengan pesatnya. Pada tahun 1928 didapati sebanyak 81 buah sekolah lelaki aliran Melayu, 10 buah sekolah perempuan aliran Melayu, 31 buah Sekolah Agama dan lima buah Sekolah Inggeris. Bilangan murid aliran Melayu dan Agama telah meningkat kepada 9,707 orang, sementara murid Sekolah Inggeris telah meningkat kepada 1,025 orang pada tahun 1928.<sup>95</sup>

##### **3.6.4.2 Perubatan**

Dalam jangka masa ini, Pentadbiran Kolonial telah membina lebih banyak kemudahan perubatan jika dibandingkan dengan masa

sebelumnya. Umpamanya hospital tidak sahaja di dapati di Johor Bahru dan Muar, tetapi telah di bina hampir setiap daerah seperti di Kukup, Kota Tinggi, Batu Pahat, Kluang, Mersing, Segamat dan Tangkak. Hospital-hospital ini mempunyai jumlah katil yang terhad dan hanya merawat penyakit-penyakit yang ringan sahaja. Hospital-hospital daerah ini hampir keseluruhannya di tadbirkan oleh *dispenser*.<sup>96</sup>

### **3.6.5. Peruntukan Khas**

Dalam proses perkembangan ekonomi dan kemunculan perkara yang diluar jangkaan seperti kemerosotan pasaran dunia, menyebabkan kerajaan terpaksa meningkatkan "peruntukan khas" di negeri Johor. Dalam jangka masa ini, "peruntukan khas" telah diwujudkan selepas Perang Dunia Pertama dan selanjutnya semasa kemerosotan ekonomi pada 1919 hingga 1922. Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3. 16, sebahagian besar peruntukan daripada jumlah perbelanjaan negeri.

Pada 1920, 41.87 peratus daripada jumlah perbelanjaannya diperuntukan bagi tujuan (1) Wang Belanja Sementara Untuk Perang, (2) ganti rugi untuk pembasmi hak kangcu, (3) pembinaan tambak Johor dan lain-lain.

**Jadual 3.16. Nilai Perbelanjaan Khas Mengikut Tujuan, 1919 - 1922,  
(Straits Dollar)**

Tahun	1919	1920	1921	1922
Wang Belanja Sementara Untuk Perang	464,442	943,017	842,857	530,646
Peruntukan Bagi Perang	4,201			
Sokongan untuk King's Fund for The disabled	256,000			
Perayaan untuk Kemenangan Perang	25,031			
Ganti Rugi untuk Pembasmi Hak Kangcu	181,848	526,442	78,747	
Ganti Rugi bagi Simpanan Beras dan Peeuntukan Pengawalan Makanan	867,161	3,259,613		1,073,039
Tambak Johor		495,458	598,076	1,291,189
Lain-Lain	105,097	249,139	210,390	144,664
Jumlah	1,903,780	5,473,660	2,030,737	3,039,540
Peratusan daripada Jumlah Perbelanjaan Negeri (%)	23.14%	41.87%	18.19%	34.95%

Sumber: disusun daripada ARJ 1919 - 1922

### 3.6.5.1 Pengawalan Bekalan Beras

Seperti yang telah dibincang sebelumnya, Johor mengalami masalah kekurangan bekalan beras akibat daripada kemerosotan penghasilan beras dan kekurangan bekalan beras daripada Siam dan Burma. Ekoran bekalan beras yang sangat terhad, maka harga beras di Johor telah meningkat dengan tinggi sekali. Sebelum kemerosotan bekalan beras, Johor cuma diizinkan mengimport beras dari Siam sebanyak satu per dua belas (1/12) daripada jumlah eksport beras yang dibawa masuk ke Negeri-Negeri Tanah Melayu. Harga beras yang dimport melalui Siam adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan beras yang diimport dari Burma. Oleh kerana itu, *General Adviser* Johor telah meminta *High Commissioner* supaya mempertimbangkan keadaan ini.<sup>97</sup> Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak diterima. Sebaliknya, NNMB dan NNS telah meningkatkan kadar faedah untuk pembelian beras bagi mengatasinya masalah kekurangan beras. Ekoran daripada keadaan tersebut, Pentadbiran Kolonial telah memberi kebenaran kepada buruh yang bekerja dalam negeri untuk mendapat elauan (*a sliding scale*) apabila harga beras berada di paras \$1.30 segantang dengan kadar 16 sen untuk satu hari. Elauan tersebut dikurangkan sehingga 11 sen apabila harga

beras turun sehingga \$1.00 segantung. Di atas perubahan ini, Pentadbiran Kolonial Johor telah memperuntukan sejumlah besar kewangan bagi mengawal bekalan beras dalam negeri. Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan sebanyak \$867,161 (1919), \$3,259,613 (1920) dan \$1,073,039 (1922). Ringkasnya, Pentadbiran Kolonial sebagai pembuat polisi peruntukan perbelanjaan negeri telah melaksanakan tindakan perlu dalam tempoh masa ini. Seperti yang dibincang sebelumnya, pihak Pentadbiran Kolonial memberikan tumpuan utama terhadap dua faktor dalam proses peningkatan jumlah pendapatan negeri.

Pertama, Pentadbiran Kolonial memperuntukkan sebahagian besar sumber kewangan bagi perkembangan ekonomi negeri seperti pembinaan sistem pengangkutan darat, sistem telekomunikasi dan sebagainya.

### **3.6.5.2 Penghapusan Hak Kangcu**

Sementara faktor kedua, Pentadbiran Kolonial menggunakan belanja yang besar bagi mengubah sistem ekonomi tradisional yang masih wujud seperti pembasmian Sistem Kangcu. Polisi-polisi yang dianjurkan oleh Pentadbiran Kolonial telah membawa perkembangan ekonomi negeri dari segi pelaburan pemodal dan

demografi. Dalam pada itu, dalam keadaan tertentu, Pentadbiran Kolonial terpaksa memperuntukkan sejumlah besar sumber kewangan sebagai persediaan terhadap perkara-perkara yang tidak dijangkakan.

### 3.6.5.3 Tambak Johor

Perbincangan mengenai pembinaan Tambak Johor merupakan perkara yang hangat di antara Sultan dengan pentadbir-pentadbir kolonial di Johor dan di Negeri-negeri Selat. Selepas beberapa tahun perbincangan, akhirnya pada tahun 1917 keputusan telah diambil untuk membina tambak tersebut dengan kos pembinaan ditanggong secara berkongsi pada kadar Johor membayar sebanyak 70% sementara bakinya di tanggong oleh Negeri-negeri Selat.

"Proses pembinaan Tambak Johor telah memakan masa lebih kurang 4 tahun 9 bulan. Dengan menggunakan 1,566,755 elapadu batu dan 1,139 ton block. Pembinaan Tambak ini dapat dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu tetambak, lock dan jambatan. Lock dan jambatan yang dibina di atas Tambak Johor adalah jenis pertama dibina di dunia ketika itu. Malah Tambak Johor itu sendiri adalah satu jenis dan usaha yang pertama di dunia ketika itu."<sup>98</sup>

Pada 28hb. Jun 1924 Tambak Johor yang menelan belanja sebanyak \$17,043,000 telah siap dibina dan dibuka secara resmi oleh Gabenor Negeri-negeri Selat.<sup>99</sup> Dengan terbinanya tambak tersebut maka:

".... the "ribbon of steel" complete from Singapore to the west bank of the Menam River in Siam.... At the same time extension are being made to the French colonies to the eastward, where also there is railway activity, and should not be many years before the meter gauge railway is continuously from Singapore into China. A connection between Siam and Burma and between Assam and Burma has long been talked of, and various routes have been surveyed".<sup>100</sup>

### 3.7 Pengurusan Kewangan

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, dua asas kewangan iaitu pendapatan dan perbelanjaan dalam tempoh masa ini telah membolehkan Pentadbiran Kolonial memperolehi lebihan kewangan yang banyak hampir setiap tahun. Seperti yang dapat dilihat dari Lampiran Jadual 4.2 dan Gambarajah 4.3. ialah jumlah perbelanjaan sebenar adalah lebih kecil daripada jumlah perbelanjaan yang dianggarkan. Ini memperlihatkan bagaimana perbelanjaan yang begitu berhati-hati dilakukan oleh Pentadbiran Kolonial. Jumlah belanjawan sentiasa lebih rendah daripada jumlah nilai pendapatan negeri kecuali pada tahun 1920-1922 ketika berlakunya kemelesetan ekonomi. Seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 3.17, pada tempoh masa tersebut negeri Johor mencatatkanimbangan yang defisit. Pada 1920, jumlah defisit sebanyak \$1,231,308,<sup>101</sup> 1921 sebanyak \$3,470,396<sup>102</sup> dan pada 1922 pula sebanyak

**Jadual 3.17. Jumlah Nilai Pendapatan Negeri, Perbelanjaan Negeri dan Imbangan, 1914-1928, (*Straits Dollar*)**

TAHUN	PENDAPATAN NEGERI	PERBELANJAAN NEGERI	IMBANGAN
1914	4,352,897	3,899,698	453,199
1915	5,790,394	3,645,421	2,144,973
1916	7,976,863	4,602,433	3,374,430
1917	10,168,625	5,119,520	5,049,105
1918	9,125,694	5,858,591	3,267,103
1919	11,002,778	8,223,682	2,779,096
1920	11,838,976	13,070,284	-1,231,308
1921	7,689,054	11,159,450	-3,470,396
1922	8,625,223	8,785,873	-160,650
1923	11,094,955	7,064,166	4,030,789
1924	10,947,960	8,095,276	2,852,684
1925	15,884,592	9,780,322	6,104,270
1926	18,781,565	18,099,232	682,333
1927	18,239,023	15,348,473	2,890,550
1928	20,698,077	16,455,473	4,242,604

Sumber: Disusun daripada ARJ 1911 - 1928

\$160,650.<sup>103</sup>

Defisit pada tempoh masa tersebut adalah berpunca daripada dua faktor. Pertama, kemelesetan ekonomi dan kejatuhan harga telah mengurangkan kutipan hasil khususnya daripada hasil cukai kastam dan penjualan candu. Seperti yang dapat dilihat dalam Lampiran Jadual 5.1, jumlah kutipan hasil telah menurun daripada \$11,838,976 pada 1920 kepada \$8,625,223 pada 1922. Kedua, dalam tempoh masa 1920-1922 Pentadbiran Kolonial terpaksa membelanjakan sebahagian wang bagi tujuan ganti rugi pembelian beras (*compensation for rice purchasing*) sebanyak \$5,199,813,<sup>104</sup> pembinaan tambak Johor sebanyak \$2,956,925,<sup>105</sup> ganti rugi penghapusan Sistem Kangcu sebanyak \$787,037<sup>106</sup> dan peruntukan sementara bagi belanjawan peperangan sebanyak \$2,780,962.<sup>107</sup> Sehubungan dengan keadaan ini, jumlah perbelanjaan keseluruhan tidak dapat disesuaikan dengan penurunan dalam jumlah kutipan hasil walaupun jumlah perbelanjaan sebenar telah menurun daripada \$13,070,284 pada 1920<sup>108</sup> kepada \$8,785,873 pada 1922.<sup>109</sup>

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan Pentadbiran Kolonial dari 1914 hingga 1928 telah berjaya mengumpulkan lebihan kewangan sebanyak \$33,008,782. Dalam keadaan yang menggalakkan ini

jumlah nilai aset telah bertambah dengan banyaknya dari \$406,786 pada 1914<sup>110</sup> kepada \$34,926,186 pada 1928.<sup>111</sup> Lebihan kewangan yang banyak ini telah diperuntukkan dengan bijak bagi pelaburan yang boleh mendatangkan keuntungan yang lebih besar lagi. Secara umum pelaburan tersebut dapat dikategorikan kepada tiga, iaitu wang simpanan tunai dalam perbendaharaan dan transit, deposit tetap dan portfolio pelaburan kewangan (termasuklah *bond*, pinjaman, *fund* dan sekuriti).

Semua lebihan wang dari 1914-1928, telah dipergunakan seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran Jadual 7.1.. Pada 1914, sebanyak 97.21% atau pun \$395,447 daripada wang tersebut dikategorikan sebagai simpanan wang tunai.<sup>112</sup> Peratusan ini bagaimana pun telah menurun kepada hanya 14.69% pada 1928 yang bernilai \$5,131,701.<sup>113</sup> Dalam tempoh masa yang sama peratusan portfolio pelaburan kewangan telah memperlihatkan peningkatan yang amat pesat sekali daripada 2.79% (\$11,339) pada 1914<sup>114</sup> kepada 66.70% (\$23,294,485) pada 1928.<sup>115</sup> Pada masa yang sama, deposit tetap juga memperlihatkan peningkatan daripada 5.26% (\$350,000), pada 1918<sup>116</sup> kepada 18.61% (\$6,500,000) pada 1928. (Lihat Jadual 3.18.)

**Jadual 3.18. Jumlah Nilai dan Komposisi Simpanan Wang Tunai,  
Deposit Tetap dan Portfolio Pelaburan Kewangan,  
1914 - 1928, (Straits Dollar)**

Tahun	Simpanan Wang Tunai	%	Deposit Tetap	%	Jumlah Nilai Portfolio Pelaburan Kewangan	%	Jumlah Nilai Aset
1914	395,447	97.21%			11,339	2.79%	406,786
1915	1,205,539	76.65%			367,312	23.35%	1,572,851
1916	627,493	31.38%			1,372,042	68.62%	1,999,535
1917	959,134	21.21%			3,562,848	78.79%	4,521,982
1918	1,889,804	28.40%	350,000	5.26%	4,415,342	66.34%	6,655,146
1919	1,748,584	20.57%	1,350,000	15.88%	5,401,347	63.55%	8,499,931
1920	684,111	10.65%	250,000	3.89%	5,490,038	85.46%	6,424,149
1921	1,515,914	36.05%	500,197	11.90%	2,188,976	52.06%	4,205,087
1922	2,110,289	40.36%	1,002,091	19.16%	2,116,785	40.48%	5,229,165
1923	3,559,353	37.60%	3,507,052	37.04%	2,401,052	25.36%	9,467,457
1924	3,951,805	30.99%	2,000,000	15.69%	6,798,513	53.32%	12,750,318
1925	3,926,272	20.92%	3,300,000	17.58%	11,543,224	61.50%	18,769,496
1926	7,048,464	25.63%	2,000,000	7.27%	18,450,507	67.10%	27,498,971
1927	6,156,997	18.54%	7,500,000	22.59%	19,548,914	58.87%	33,205,911
1928	5,131,701	14.69%	6,500,000	18.61%	23,294,485	66.70%	34,926,186

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1928

Dalam tempoh masa ini, Pentadbiran Kolonial telah menggunakan portfolio pelaburan kewangan dalam empat bentuk yang terdiri daripada bon, pinjaman tabung, sekuriti dan *fund*. Bentuk-bentuk pelaburan tersebut diberi penekaran yang berbeza dari masa ke semasa. Umpamanya, pada tahun 1918, bon merupakan item yang paling penting. Sebanyak 49.94 % atau pun \$2,205,041<sup>117</sup> daripada jumlah pelaburan adalah terdiri daripada pembelian bon. Bagaimana pun, kadar kepentingan bon dari tahun ke tahun semakin menurun sehingga pada tahun 1922 jumlah nilai bon yang ada hanya sebanyak 1.64% yang bernilai \$34,673.<sup>118</sup> Pada tahun 1925, pembelian bon sekali lagi telah meningkat kepada \$3,823,293<sup>119</sup> yang merupakan 33.12% daripada jumlah portfolio pelaburan kewangan. Selepas 1927, Pentadbiran Kolonial tidak lagi memperuntukan wang bagi pembelian bon. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini tabung adalah salah satu bentuk pelaburan yang dilakukan oleh Pentadbiran Kolonial. Pada 1918, wang sebanyak \$1,888,405<sup>120</sup> telah dilaburkan dalam bentuk tabung. Jumlah ini merupakan 42.77% daripada jumlah pelaburan negeri pada tahun itu. Pelaburan dalam bentuk pinjaman ini dari segi nilai wang telah menurun kepada \$1,816,960 pada tahun 1922<sup>121</sup> tetapi dari segi kadar kepentingan

telah meningkat kepada 85.84%. Peratusan yang besar berbanding dengan jumlah nilai yang kecil disebabkan berlakunya kemelesetan ekonomi. Dalam masa kemelesetan ini pinjaman merupakan elemen penting tetapi pihak Pentadbiran Kolonial tidak membuat pelaburan yang besar kerana keadaan yang tidak terjamin. Seperti bon, peruntukan pinjaman juga tidak dibuat oleh kerajaan selepas 1927.

Berbanding dengan dua kaedah pelaburan di atas, sekuriti dan *Fund* memperlihatkan corak yang berbeza. Dalam hal sekuriti, permintaan yang besar adalah berkaitan dengan penubuhan *Sterling Security* pada 1924.<sup>122</sup> Pada tahun itu, jumlah wang yang diperuntukkan kepada sekuriti adalah berjumlah \$5,292,950<sup>123</sup> di mana jumlah ini adalah 77.85% daripada jumlah wang negeri yang dilaburkan. Pelaburan kepada sekuriti telah meningkat dari tahun ke tahun, sehingga 1928 jumlah wang sekuriti yang ada berjumlah \$13,925,057.<sup>124</sup> Bagaimana pun, dari segi kepentingan telah menurun sedikit kepada 59.78%. Kejatuhan peratusan ini adalah kerana pelaburan dalam bentuk *Fund* menjadi lebih penting.

Pada tahun 1926, Pentadbiran Kolonial telah melibatkan diri dalam pelaburan item baru iaitu ORRRF (*Opium Revenue Replacement Reserve Fund*).<sup>125</sup> *Fund* tersebut dari segi nilai berjumlah \$6,119,922<sup>126</sup>

yang merupakan 33.17% daripada jumlah nilai pelaburan pada tahun itu. Jumlah nilai *Fund* ini telah meningkat kepada \$9,369,428 pada tahun 1928.<sup>127</sup> Bagaimana pun, dari segi kadar kepentingan didapati telah bertambah hampir sekali ganda iaitu 40.22%, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.19. Dengan wujudnya dua bentuk pelaburan yang akhir ini, pendekatan dua bentuk pelaburan awal sebelum ini tidak digunakan lagi.

Setelah diteliti dengan terperinci, didapati pelaburan portfolio kewangan ditumpukan kepada Britain, koloni-koloni British dan NNS. Semua negeri-negeri tersebut mempunyai kepentingan kepada kerajaan British. Dengan kata lain, lebihan kewangan negeri Johor tidak dilaburkan sepenuhnya di negeri itu tetapi telah dilaburkan di negara-negara yang berada di bawah jajahan British samaada di rantau ini atau di lain-lain kawasan di dunia seperti Afrika, India, Australia, Kanada dan lain-lain melalui *Crown Agent*.<sup>128</sup> Bukan itu sahaja, sebahagian daripada wang telah dilaburkan ke Britain. Satu perkara yang jelas di sini ialah Pentadbiran Kolonial Johor telah menjadi sebagai salah satu sumber pembekal wang kepada Britain dan koloni-koloni British.

**Jadual 3.19. Nilai dan Komposisi Portfolio Pelaburan Kewangan  
1914 - 1928, (Straits Dollar)**

Tahun	Bon	%	Tabung	%	Sekuriti	%	Fund	%	Lain	%	Jumlah
1914		0.00%		0.00%		0.00%		0.00%	11,339	100.00%	11,339
1915		0.00%		0.00%		0.00%		0.00%	367,312	100.00%	367,312
1916		0.00%		0.00%		0.00%		0.00%	1,372,042	100.00%	1,372,042
1917		0.00%		0.00%		0.00%		0.00%	3,562,848	100.00%	3,562,848
1918	2,205,041	49.94%	1,888,405	42.77%		0.00%		0.00%	321,896	7.29%	4,415,342
1919	893,147	16.54%	4,070,516	75.36%		0.00%		0.00%	437,684	8.10%	5,401,347
1920	962,638	17.53%	4,236,614	77.17%		0.00%		0.00%	190,786	5.30%	5,490,038
1921	36,091	1.63%	1,894,644	86.55%		0.00%		0.00%	238,241	11.80%	2,188,976
1922	34,673	1.64%	1,816,960	85.84%		0.00%		0.00%	265,152	12.53%	2,116,785
1923	381,589	13.89%	1,391,159	57.94%		0.00%		0.00%	628,304	26.17%	2,401,052
1924		0.00%	1,157,734	17.03%	5,292,950	77.83%		0.00%	347,829	5.12%	6,796,513
1925	3,823,293	33.12%	1,756,544	15.22%	3,963,387	51.66%		0.00%	0	0.00%	11,543,224
1926	3,823,293	20.72%	2,083,342	11.30%	6,421,950	34.81%	6,119,922	33.17%	0	0.00%	18,450,507
1927	1,816,533	9.29%	2,104,674	10.77%	7,902,719	40.43%	7,724,968	39.52%	0	0.00%	19,548,914
1928		0.00%		0.00%	13,925,057	59.78%	9,369,428	40.22%	0	0.00%	23,294,485

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914 - 1928

Jika dihalusi lagi seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 3.20, pola destinasi pelaburan adalah berbeza mengikut masa.

Sebaik sahaja kerajaan Johor berjaya menyelesaikan hutang pembinaan landasan keretapi, kerajaan mula membuat pelaburan kewangan pada 1918.

Pelaburan kewangan dalam bentuk bon dan tabung berkadar bunga rendah dibuat pada tahun tersebut dan sebanyak 91.00% yang bernilai \$3,943,446<sup>129</sup> telah dilaburkan ke Britain. Pelaburan ini amat penting bagi menghidupkan Britain. Setelah ekonomi Britain boleh bernafas semula, pelaburan yang ditumpukan ke negara tersebut mulai berkurangan seperti yang diperlihatkan pada 1927. Wang yang dilaburkan hanya berjumlah \$2,434,675<sup>130</sup> yang merupakan 12.45% daripada jumlah portfolio pelaburan kewangan negeri itu. Pengurangan peratusan tersebut tidak bermakna pelaburan dibuat di Johor tetapi kali ini pelaburan telah dihantar ke negara-negara di bawah jajahan British. Pelaburan kewangan ini bukan dalam bentuk bon atau pinjaman tetapi dalam bentuk yang lain seperti *Sterling Security* dan ORRRF. Pada 1928 semua portfolio pelaburan kewangan telah dilaburkan ke negara di bawah Pentadbiran Kolonial British.

**Jadual 3.20. Nilai dan Komposisi Mengikut Destinasi dari Negeri Johor, 1914 - 1928, (Straits Dollar)**

Tahun	Nagara Britain	%	Negeri-Negeri Empayar Britain	%	Negeri-Negeri Selat	%	Lain-Lain	%	Jumlah Nilai Portfolio Pelaburan Kewangan
1914	3,138	27.67%		0.00%		0.00%	8,201	72.33%	11,339
1915	5,056	1.38%		0.00%		0.00%	362,256	98.62%	367,312
1916	8,345	0.61%		0.00%		0.00%	1,363,697	99.39%	1,372,042
1917	3,397	0.10%		0.00%		0.00%	3,559,451	99.90%	3,562,848
1918	3,943,446	89.31%		0.00%	150,000	3.40%	321,896	7.29%	4,415,342
1919	4,813,663	89.12%		0.00%	150,000	2.78%	437,684	8.10%	5,401,347
1920	4,630,713	84.35%		0.00%	568,539	10.36%	290,786	5.30%	5,490,038
1921	1,372,300	62.69%		0.00%	558,435	25.51%	258,241	11.80%	2,188,976
1922	1,289,737	60.93%		0.00%	558,435	26.38%	268,613	12.69%	2,116,783
1923	1,198,107	49.90%	16,206	0.68%	558,435	23.26%	628,304	26.17%	2,401,052
1924	5,292,950	77.85%		0.00%	1,157,734	17.03%	347,829	5.12%	6,798,513
1925	4,422,103	38.31%	5,963,387	51.66%	1,157,734	10.03%		0.00%	11,543,224
1926	4,422,103	23.97%	12,541,872	67.98%	1,486,532	8.06%		0.00%	18,450,507
1927	2,434,675	12.45%	15,627,707	79.94%	1,486,532	7.60%		0.00%	19,548,914
1928		23,294,485		100.00%		0.00%		0.00%	23,294,485

Sumber: Disusun daripada ARJ 1914-1928

NNS juga merupakan negeri-negeri yang menerima pelaburan dari Johor secara berterusan walaupun dalam peratusan yang kecil. Pada tahun 1918, pelaburan yang dibuat berjumlah \$150,000 yang merupakan 3.46% daripada jumlah portfolio pelaburan kewangan negeri itu. Wang pelaburan dari Johor ini memainkan peranan penting kepada Negeri-Negeri Selat semasa kemelesetan ekonomi iaitu sekitar 1920-1922. Bagi mengurangkan ketenatan ekonomi NNS, Pentadbiran Kolonial telah meningkatkan pelaburan ke negeri-negeri tersebut kepada \$558,435<sup>131</sup> atau 25.54% daripada jumlah portfolio pelaburan kewangan 1922. Jumlah pelaburan telah ditingkatkan lagi kepada \$1,157,734 pada 1924<sup>132</sup> dan meningkat lagi kepada \$1,486,532 pada 1927.<sup>133</sup> Di sini jelas, walaupun negeri Johor mengalami kemelesetan ekonomi namun begitu ia masih mampu menghulurkan bantuan kepada negeri-negeri jiran yang bernaung di bawah pentadbiran British.

Perubahan peratusan perangkaan di atas menggambarkan polisi kewangan. Pertama, Pentadbiran Kolonial lebih memberi keutamaan kepada portfolio pelaburan kewangan seperti *Sterling Security*, ORRRF dan lain-lain yang diuruskan oleh *Crown Agent*. Walaupun terdapat risiko seperti kejatuhan kadar pertukaran mata wang *Sterling*

*Pounds* dan *Straits Dollar*, namun begitu polisi ini tetap dilaksanakan demi menjaga kepentingan British.

Kedua, Pentadbiran Kolonial begitu berhati-hati mengawal jumlah simpanan wang tunai dan deposit tetap dalam usaha untuk menutup defisit kewangan kerana portfolio pelaburan asing pada dasarnya tidak dapat digunakan untuk mengatasi kerugian yang dialami.

Di awal tempoh masa ini, Pentadbiran Kolonial masih menumpukan perhatian terhadap pengurusan kewangan bagi menyelesaikan hutang *Johor State Railway Loan* kepada NNMB. Pembayaran yang segera amat penting bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negeri yang bebas dari sebarang bentuk hutang. Dalam hal ini, pengurusan kewangan yang cekap telah membolehkan hutang di atas dapat diselesaikan sepenuhnya pada 1918, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.21.

Setelah menyelesaikan hutang, Pentadbiran Kolonial Johor berjaya menghasilkan lebihan yang dianggap sebagai sumber pelaburan dan tabungan yang mengukuhkan kedudukan kewangan negeri itu. Bermula dari sini kedudukan kewangan di Johor telah berubah daripada negeri berhutang kepada negeri pemberi pinjaman.

**Jadual 3.21. Pembayaran Hutang Johore State Railway Loan,  
1910-1918, (Straits Dollar)**

Tahun	Jumlah Bayaran (\$)	Imbangan
1910		11,668,579
1911	500,000	11,168,579
1912	700,000	10,468,579
1913	1,616,087	8,852,492
1914	1,000,000	7,852,492
1915	1,102,492	6,750,000
1916	2,750,000	4,000,000
1917	3,000,000	1,000,000
1918	1,000,000	0

Sumber: Disusun daripada **ARJ 1911-1918**

1918 merupakan era kritikal bagi Britain. Ini disebabkan negara Britain mengalami krisis kewangan yang amat genting berikutan daripada perang yang berlaku di Eropah (Perang Dunia Pertama). Dalam keadaan perang, Britain amat memerlukan bantuan kewangan dalam jumlah yang besar bagi membeli senjata dan kelengkapan perang. Bantuan kewangan yang besar juga diperlukan setelah perang tamat bagi membangunkan semula aktiviti ekonomi.

Bagi mendapatkan bantuan kewangan tersebut, Pentadbiran Kolonial telah menggunakan lebahan kewangan yang dikecapi hasil daripada pembangunan ekonomi yang pesat di negeri ini. Jumlah wang yang besar dari Johor dihantar ke Britain dalam pelbagai cara mengikut amalan struktur ekonomi baru. Dalam hal ini, Pentadbiran Kolonial telah menyalurkan wang ke Britain melalui *British War Loan Bonds*. Bon ini meliputi tempoh masa selama 16 tahun (1929-1945) dengan kadar bunga tahunan yang rendah iaitu sebanyak 5% setahun. Selain daripada bon di atas, Pentadbiran Kolonial juga membeli beberapa bon lain antaranya termasuklah *Exchequer Bonds*. Bagi bon ini Pentadbiran Kolonial telah membelanjakan wang sebanyak \$1,021,729. Bon ini adalah untuk tempoh lima tahun dari 1922-1927 dengan kadar bunga tahunan sebanyak 5%.<sup>134</sup>

*National War Bond* juga dibeli oleh Pentadbiran Kolonial pada tahun 1928 dengan nilai sebanyak \$1,738,405.<sup>135</sup> Bunga yang dikenakan kepada bon tersebut seperti lain-lain bon iaitu sebanyak 5%. Sebelum itu Pentadbiran Kolonial pada 1921 telah membeli *Straits Settlement War Loan* dengan nilai sebanyak \$150,000.<sup>136</sup> Kadar bunga bon ini sebanyak 6%, tinggi sedikit daripada bon-bon yang lain.

Bagaimanapun, keadaan yang memuaskan ini mengalami kemerosotan yang ketara akibatnya daripada kemunculan defisit dalam tempoh 1920 - 1922. Semenjak perlantikan *General Adviser* dan *Financial Commissioner* di Johor pada 1910, ini merupakan pengalaman pertama yang mereka hadapi. Dalam keadaan ini, Pentadbiran Kolonial terpaksa memperuntukkan sebahagian besar kewangan daripada portfolio pelaburan kewangan sebagai gantirugi kekurangan kewangan. Pada 1920, Pentadbiran Kolonial mendapat gantirugi defisit kewangan daripada simpanan wang tunai dan deposit tetap iaitu berjumlah \$1,064,473 dan \$1,100,000.<sup>137</sup> Namun begitu, kerugian yang berlaku berterusan pada 1921 sehingga menjadikan portfolio pelaburan kewangan Johor. Bagi menyelesaikan masalah ini, Johor akhirnya telah membuat pinjaman kewangan daripada Negeri-Negeri Selat sejumlah

\$800,000 dengan kadar bunga 3% setahun.<sup>138</sup> Bagaimanapun, pinjaman ini langsung tidak menjaskan struktur kewangan Johor kerana negeri ini memperolehi sebahagian besar keuntungan daripada sumber pelaburan lain. Sementara itu, Pentadbiran Kolonial Johor lebih mementingkan simpanan kewangan bagi menampung masalah kewangan pada masa depan. Pentadbiran Kolonial Johor telah mengambil tindakan yang konservatif berdasarkan kepada pengalaman daripada kemelesetan ekonomi yang berlaku antara 1919-1922 yang membawa kepada ketidakstabilan dalam simpanan kewangan. Johor telah meningkatkan jumlah simpanan di samping meneruskan polisi pelaburan kewangan ke luar negeri dan kumpulan wang ini memainkan peranan yang penting antara 1929-1933. Sementara itu, deposit tetap juga bertambah dan berperanan memenuhi keperluan-keperluan tertentu. (1) Pelaburan untuk mendapatkan wang faedah; (2) Simpanan kecemasan untuk membayar gantirugi simpanan wang dan (3) Bayaran ganti rugi untuk memperbaiki struktur kewangan.

Pada tahun 1923, Pentadbiran Kolonial telah mempertahankan kredit dengan jumlah \$5,279,803, nilai pasaran kewangan lebih kurang \$5,400,000.<sup>139</sup> Dalam keadaan yang demikian,

Pentadbiran Kolonial telah melaburkan dalam *War Loan Bonds*, *War Loan Stock*, *Nigeria Stock* dan deposit tetap. Selanjutnya pada 1924, lebihan kewangan yang berjumlah \$5,142,850 telah dihantar ke *Crown Agent* bagi meneruskan kegiatan pelaburan.<sup>140</sup> Pelaburan dalam stok jaminan telah meningkat daripada \$614,923 kepada \$5,327,236 dan jumlah deposit tetap di London juga memperlihat pertambahan daripada \$882,857 kepada \$1,817,143. Pelaburan dalam *Straits Settlements Loan* telah mengwujudkan hutang berjumlah \$1,157,754 dan deposit tetap telah dikurangkan daripada \$35,000,000 kepada \$2,000,000. Sebaliknya, nilai pasaran jaminan *Sterling* telah meningkat.<sup>141</sup>

Pada tahun 1925, pelaburan portfolio oleh pentadbiran kolonial telah membawa keuntungan dalam *Surplus Fund*. Pelaburan dalam Jaminan *Sterling* telah ditingkatkan daripada \$5,327,236 kepada \$10,380,561 dalam tempoh masa setahun.<sup>142</sup> Dalam keadaan yang demikian, jaminan *Sterling* telah memperolehi wang faedah lebih kurang 4.75 peratus. *Surplus funds* pula meningkat daripada \$11,141,620 kepada \$17,253,175.

Akibat daripada perkembangan yang berlaku antara 1923 - 1925, Pesuruhjaya kewangan telah mencadangkan supaya dibentuk *Opium*

*Revenue Replacement Reserve Fund* (ORRRF) kepada *General Adviser*.

Cadangan tersebut diusulkan atas beberapa alasan. Antaranya ialah, pendapatan yang didapati daripada Cukai Candu telah merosot dan menyebabkan kejatuhan dalam jumlah pendapatan. Sementara itu, peruntukan untuk *Annual Recurrent* dan akaun peruntukan khas telah menunjukkan perkembangan. Dalam keadaan yang demikian, Marriot, yang bertindak sebagai *Colonial Secretary* mencadangkan seperti berikut, " Dalam keadaan struktur kewangan pada zaman ini susah untuk mencari sumber baru di Johor. Maka pembentukan ORRRF daripada *Surplus Lines* adalah mustahak bagi meningkatkan struktur kewangan."<sup>143</sup>

Pesuruhjaya Kewangan Johor menyatakan bahawa Pentadbiran Kolonial mesti menggunakan hasil pendapatan daripada penjualan candu selama 20 tahun dengan menumpukan kepada perkara-perkara yang lebih berfaedah.

Walaupun pendapatan daripada hasil Candu telah berkurangan, namun portfolio pelaburan dalam jaminan *Sterling* menunjukkan perkembangan dalam beberapa tahun. Oleh itu, negeri Johor memperuntukkan sebahagian besar fungsi untuk pelaburan dalam jaminan *Sterling*. Keadaan sterling yang sering berubah-ubah telah menyebabkan

pentadbiran kolonial lebih berhati-hati dalam bidang pelaburan bagi menggelakkan ketidakstabilan dalam struktur kewangan seperti yang berlaku beberapa tahun yang lepas.

Pentadbiran Kolonial telah membuat keputusan bagi membentuk ORRRF dan seterusnya menyediakan peruntukan untuk membeli Candu yang menyumbangkan pendapatan yang besar kepada negeri. Pada tahun 1926, Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan \$4,898,498 daripada peruntukan benar bagi menukuhan ORRRF. Ini kerana pendapatan sebenar (\$18,781,565) telah melebihi pendapatan yang dianggarkan iaitu sejumlah (\$11,531,000). Pentadbiran Kolonial juga telah memperuntukan tabungan tanpa membuat sebarang perubahan dalam perpendaharaan.<sup>144</sup>

### **3.8           Kesimpulan**

Dalam tempoh masa ini, ekonomi Johor telah menunjukkan perkembangan yang ketara dalam pelbagai sekor. Berdasarkan perkembangan pasaran komoditi dunia, aktiviti pemodal dalam penanaman komoditi telah menunjukkan perkembangan dalam pengeluaran hasil. Perkembangan saiz tanaman telah menyebabkan pertambahan bilangan penduduk dengan ketara. Seperti yang telah dibincangkan,

Johor menjadi sebuah negeri yang amat kukuh dari segi keluasan tanah bagi tanaman komoditi utama dan pertumbuhan bilangan penduduk.

Perkembangan ekonomi yang ditunjukkan dalam tempoh ini bukanlah suatu perkara yang mudah dicapai. Sebenarnya, Pentadbiran Kolonial telah memainkan peranan yang amat penting bagi menggalakkan arah perkembangan ekonomi negeri dengan mengamalkan polisi kewangan yang lengkap, tersusun dan tepat.

Pada peringkat awal, Pentadbiran Kolonial cuba menghapuskan sistem pentadbiran dan polisi lama yang masih wujud seperti Sitem Kangcu dan *Revenue Farm*. Selain daripada itu, Pentadbiran Kolonial telah berjaya mengalihkan pentadbiran sistem kewangan daripada dominasi Sultan kepada dominasi Pentadbiran Kolonial. Dalam sektor pendapatan negeri, duti kastam menjadi sumber cukai utama. Cukai tanah pula dikukuhkan dalam proses perkembangan aktiviti tanaman komoditi. Pemulihan mutu pentadbiran tersebut telah menjamin perkembangan pengutipan hasil yang lebih stabil.

Dalam sektor perbelanjaan negeri, Pentadbiran Kolonial telah menumpukan perhatian utama terhadap kerja-kerja raya dalam pembinaan sistem infrastruktur seperti jalan raya, sistem telefon dan

telegraf dengan menggunakan teknologi baru. Pengagihan kewangan ini telah menggalakkan dan memastikan kemasukan pemodal dan penduduk ke dalam negeri. Bagaimanapun, sistem bekalan air dan elektrik masih tidak sampai ke tahap yang memuaskan, walaupun Pentadbiran Kolonial memperuntukkan sejumlah besar wang bagi membangunkan sektor tersebut. Masalah ini berlaku akibat daripada peningkatan jumlah penduduk yang mendadak dalam jangka masa tersebut. Dilihat dari aspek peruntukan kewangan bagi perkhidmatan sosial, kelihatan dengan jelas muslihat yang diamalkan oleh pihak British. Kadar kematian tidak menunjukkan sebarang pemulihan atau penurunan.

Pentadbiran Kolonial kelihatannya seolah-olah telah berusaha untuk membangunkan ekonomi negeri Johor. Bagaimanapun niat sebenar Pentadbiran Kolonial tersebut adalah berusaha untuk mendapatkan lebahan kewangan sebanyak mungkin. Dengan menggunakan lebahan kewangan, Pentadbiran Kolonial telah memperuntukkan sebahagian besar wang bagi portfolio pelaburan kewangan. Dalam proses perkembangan pengumpulan pendapatan negeri, komposisi kewangan bagi portfolio pelaburan kewangan telah meningkat dan diagihkan ke Britain dan koloni-koloni British melalui *Crown Agent*.

## NOTA KAKI

1. Sungguhpun demikian, perubahan ini terpaksa menerbitkan perbahasan besar. Berkenaan dengan gelaran General Adviser itu tidaklah diganti dengan British Adviser itu tidaklah dipersetujukan oleh Sultan Johor. Terpaksalah pegawai penasihat itu memakai gelaran lamanya sebagai General Adviser juga dan mendapat sedikit lebih kuasanya daripada yang sudah ada. Gabenor Sir Arthur Young, bagi pihak Kerajaan British mencuba supaya jawatan Menteri Besar itu dihapuskan dengan alasan mengatakan jawatan General Adviser sudah memadai sebagai Menteri Besar. Tetapi kehendak itu telah ditolak, kerana dalam adat Melayu tiap-tiap seorang raja itu memang mustahak ada menterinya.
2. CO 273/1914: D.G.Campbell kpd. Sultan Johor, 19 Feb. 1914, hal:512-524.
3. ARJ 1921, hal:2.
4. ARJ 1926, hal:3.
5. ARJ 1921, hal:1.
6. ARJ 1926, hal:4.
7. ARJ 1914, hal:5.
8. ARJ 1928, hal:5.
9. ARJ 1914, hal:5.
10. ARJ 1928, hal:5.
11. Lihat Charles R. Whittlesey, **Governmental Control of Crude Rubber, The Stevenson Plan**, Princeton, Princeton University Press, 1931.
12. Lim Chong Yah, **Economic Development of Modern Malaya**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967, hal:344.
13. Ibid.
14. Lihat Shiho Kato, "Syarikat Perlombongan Jepun di Malaya Sebelum Perang Dunia Kedua", Kuala Lumpur, Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1992.

15. ARJ 1928, hal:5.
16. Ibid.
17. Shiho Kato, Op.Cit., hal: 124.
18. Ibid.
19. ARJ 1923, hal:12.
20. ARJ 1928, hal:5.
- 21.HCO 1341/1919: Food Controller,Singapore kpd. GAJ, 13 Jun 1919, Lampiran 3.
22. ARJ 1919, hal:22.
- 23.HCO 1341/1919: Food Controller,Singapore kpd. GAJ,13 Jun 1919, Lampiran 3.
24. ARJ 1914, Appendix B, hal: 31 - 34.
25. **State of Johore, Statistics Relating to Rubber**, Johore Bahru, Johore Government Printing, 1 Julai 1929, hal:2-4.
26. Ibid., hal:3.
27. Disusun daripada ARJ 1914, Appendix B, hal:31-34.
28. **State of Johore, Statistics Relating to Rubber**,Johore Bahru, Johore Government Printing, 1 Julai 1929, hal:2-4.
29. ARJ 1914, Appendix B, hal: 31-34.
- 30.**State of Johore, Statistics Relating to Rubber**,Johore Bahru, Johore Government Printing, 1 Julai 1929, hal:2-4.
31. CO 273/534: Malayan Bulletin of Political Intelligence,15 Januari 1926, hal:193.
32. Yuen Choy Leng, "Japanese Rubber and Iron Investments in Malaya, 1900-1941", **The Journal of Southeast Asian Studies**, Vol.5, No.1 (Mac 1974) hal: 18-26.

33. Ibid., hal:20-21.
34. Ibid.
35. GAJ 584/1918: Minutes, Rubber Industry Protection Committee kpd. GAJ, 4 Sept, 1918. dan HCO Johore, 1807A/1914: GAJ kpd. SHC,Singapore, 18 Nov. 1914, Lampiran B.
36. **State of Johore, Statistics Relating to Rubber**, Johore Bahru, Johore Government Printing, 1 Julai 1929, hal:4.
37. **Ibid.**
38. Disusun daripada **ARJPA 1928**, hal:32.
39. Disusun daripada **ARMAS 1933**, Jadual 4.
40. **ARJ 1919**, hal:10.
41. **ARJ 1928**, hal:7.
42. **ARMAS 1935**, hal:27.
43. **ARJ 1924**, hal:11.
44. **Ibid.**, hal:8.
45. **ARJ 1925**, hal:11.
46. **ARJ 1928**, hal:7.
47. **ARJ 1922**, hal:9.
48. **ARCDJ 1914**, hal:23.
49. **ARJ 1918**, hal:11.
50. FCJ 485/1919: Coope, Johore Bahru kpd. FCJ , 7 Sept. 1918.
51. HCO Johore 792/1921: Report on Iron Mining in Batu Pahat,Johore, F.C.Marchall kpd. GAJ, 19 Sept. 1921, Lampiran 1.
52. **Ibid.**

53. Ibid., Warden of Mines, Johore kpd. GAJ, 23 Sept. 1921, Lampiran 2.
54. Shihō Kato, Op.Cit.
55. Yuen Choy Leng, Op.Cit., hal: 27.
56. ARJPA 1919, hal:5.
57. ARJ 1926, hal:5.
58. **A Report of The 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics, British Malaya (The Colony of The Straits Settlements and The Malay States Under British Protection, Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunei,** C.A. Vlieland, Superintendent of the Census, London, The Crown Agents for the Colonies, 1932, hal:126.
59. Ibid.
60. **Population Census of The Federation of Malaya 1957, Report No.14, Final Report-Summary Tables for The Federation with General Comments on The Census,** H.Fell, Former Chief Statistician and Superintendent of Census Federation of Malaya, Kuala Lumpur, Federation of Malaya, 1960. hal:3.
61. Ibid.
62. **A Report on The 1931 Census, British Malaya, The Colony of The Straits Settlements and The Malay States Under British Protection, Namely The Federated States of Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang and The States of Johore, Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis and Brunei ,** C.A. Vlieland, Superintendent of The Census, London, The Crown Agents for the Colonies, 1932, hal:32.
63. Ibid, hal:141.
64. Ibid, hal:44.
65. ARJ 1914, hal:1.
66. ARJ 1928, hal:1.
67. ARJ 1914, hal:2.

68. **ARJ 1928**, Appendix B, hal:49.
69. **ARJ 1914**, hal:5.
70. **ARJ 1928**, hal:1.
71. **ARJ 1914**, hal:5.
72. **ARJ 1928**, hal:11.
73. **ARJ 1914**, hal:15.
74. **ARJ 1928**, hal:11.
75. GAJ 147/1916: CTCJ kpd. GAJ, 17 Dis1916, Lampiran 1.
76. Ibid., Lampiran 3.
77. **ARCDJ 1918**, hal:14.
78. Penjelasan lanjut sila lihat Lampiran Jadual 4.2.
79. **ARJ 1914**, hal:12.
80. **ARJ 1928**, hal:23.
81. Tidak ada data pada 1914.
82. GAJ 193/1917:GAJ kpd. Penghulu-penghulu, 4 April 1917.
83. **ARJ 1914**, hal:1.
84. **ARJ 1928**, hal:2.
85. HCO 478/1917: GAJ kpd.SHC for Malay States and Singapore, 15 Mac 1917, Lampiran 1,dan Ag.SHC for Malay States kpd. GAJ 19, Mac 1917, Lampiran 2.
86. FCJ 573/1920: P.A.Anthony, General Manager kpd. Under Secretary, Federated Malay States, 6 Julai 1920.
87. Lihat Amarjit Kaur, "The Muar Railroad 1890-1921", **Journal of the South Seas Society**, Vol.36, (Jun 1981), hal:69-77. Amarjit Kaur mengatakan seperti berikut.

"Firstly, freight rates were high. for instance, the agriculturalists paid 16 cents a bag to transport their betel nut produce from Parit Jawa to Bandar Maharani. At Bandar Maharani, they had to pay a steamer freight charge of 12 cents a bag to ship their produce to Singapore. Before the railroad was built, they sent their produce direct to Singapore in **tongkang** at 10 cents a bag. While the Muar Railroad enabled larger shipments and regular deliveries, the freight rates remained consistently high.

Secondly, the railroad was constructed specifically to serve the Malay and Javanese agriculturalists in the Padang district. By virtue of its route and limited clientele, any change in the cultivation pattern of the agriculturalists was bound to be reflected in the volume of freight transported. By 1913, many of the agriculturalists had switched to the more profitable rubber cultivation. However, rubber was less bulky than either copra or betel nut and there was a resultant reduction in the weight of goods carried."

88. HCO 1164/1916: Ag.GAJ kpd. SHC, 25 Jun 1916,Lampiran 1.
89. **ARJ 1918**, hal:23.
90. HCO 5031/1918: Arthur Young, Chief Secretary, FMS kpd. H.H.Sultan, 16 Dis 1918, Lampiran 9 dan FCJ 573/1920: A.S.Jelf, Ag.Under Secretary FMS kpd. GAJ, 30 Julai 1920, Lampiran 7.
91. Siri Pathamanathan, "Telecommunication in Pre War Johor",1990, hal: 2.
92. HCO 692/1916: V.H.Winson, Superintendent Posts & Telegraph, Malacca kpd. Postmaster General, S.S., Singapore, 25 Mei 1916.
93. Lihat Rohana Padzil, "Sejarah Perbekalan Air Singapura, Johor dan Melaka 1824-1956", Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, (Peringkat Persiapan), 1997.
94. Sila lihat **ARJ 1914**, hal: 27, **ARJ 1916**, hal: 22 dan **ARJ 1928**, hal: 42.
95. Sila lihat **ARJ 1914-1928** di bawah tajuk *Education*.

96. Sila lihat **ARJ 1914-1928** di bawah tajuk *Medical*.
97. GAJ 16/1917: GAJ kpd. SHC Singapura, 18 Jan. 1917.
98. Ali Zainalabidin B. Syed Mohamed, "Sejarah Pembinaan Tambak Johor", Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Sesi 1991/1992, hal:180.
99. Ibid., hal: 122
100. Ibid., hal: 2.
101. **ARJ 1920**, hal:1.
102. **ARJ 1921**, hal:1.
103. **ARJ 1922**, hal:1.
104. Disusun daripda **ARJ 1918 - 1923**.
105. **Ibid.**
106. **Ibid.**
107. **Ibid.**
108. **ARJ 1920**, hal:1.
109. **ARJ 1922**, hal:1.
110. **ARJ 1914**, hal:3-4.
111. **ARJ 1928**, Appendix A, hal:48.
112. **ARJ 1914**, hal:3-4.
113. **ARJ 1928**, Appendix A, hal:48.
114. **ARJ 1914** , hal:3-4.
115. **ARJ 1928**, Appendix A, hal:48.
116. **ARJ 1918**, Appendix A (i), hal:22.
117. **ARJ 1918**, hal:2.

118. **ARJ 1923**, Appendix (i), hal:28.
119. **ARJ 1925**, Appendix A, hal:37.
120. **ARJ 1920**, Appendix (i), hal:22.
121. **ARJ 1922**, Appendix (i), hal:28.
122. **ARJ 1924**, Appendix A (i), hal:37.
123. **Ibid.**
124. **ARJ 1928**, Appendix A, hal:48.
125. **ARJ 1926**, hal:2.
126. **Ibid.**, Appendix A, hal:40.
127. **ARJ 1928**, Appendix A, hal:48.
128. FCJ 48/1921: Crown Agent, London kpd. GAJ, 7 Mac 1921 dan FCJ 465/1921: H.Marriott,GAJ kpd. Crown Agents London, 2 April 1921, Lampiran 3.
129. **ARJ 1918**, hal:2.
130. **ARJ 1927**, Appendix A, hal:40.
131. **ARJ 1922**, Appendix A (i), hal:28.
132. **ARJ 1924**, Appendix A (i), hal:37.
133. **ARJ 1927**, Appendix A, hal:40.
134. HCO Johore 1393/1918: GAJ kpd. SHC, FMS dan Singapore, 5 Ogos 1918.
135. FCJ 438/1921: Crown Agent, London kpd. GAJ, 7 Mac 1921.
136. **ARJ 1921**, Appendix A, hal:32.
137. **ARJ 1920**, Appendix A, hal:28.
138. **ARJ 1921**, Appendix A, hal:32.

139. **ARJ 1923**, Appendix A, hal:23.

140. **ARJ 1924**, Appendix A (i), hal:37.

141. **Ibid.**

142. **ARJ 1925**, Appendix A, hal:40.

143. FCJ 438/1921: Crown Agent, London kpd. GAJ, 7 Mac 1921.

144. **ARJ 1926**, Appendix A, hal:35.